

BAB TIGA

MEROKOK DARI PERSPEKTIF ISLAM DAN ANALISISNYA

3.1 Pendahuluan

Dalam membuat penilaian terhadap hukum rokok pada masa sekarang ini, pengkaji berpendapat adalah amat perlu adanya kesepakatan para fuqaha' mengenai hukum rokok. Ini bukanlah bermakna pengkaji cuba mendahului mereka di dalam membuat ijtihad, cuma keperluan yang lebih semasa terhadapnya amat mendesak terutama kedudukan rokok mendapat tempat yang pertama di dalam carta semasa dari segi kesannya terhadap masyarakat pengguna dan bukan pengguna.

Di samping itu, perbahasan mengenainya oleh golongan yang tidak tahu tentang kajian sebenar tentangnya amat membimbangkan, selain wujudnya golongan yang mempunyai kepentingan-kepentingan tertentu yang memberi pandangan secara peribadi terhadap rokok.

Walau bagaimanapun, adalah amat penting pengkaji membariskan beberapa hukum dan alasan-alasan yang telah dikemukakan oleh tokoh-tokoh fuqaha' zaman awal sehingga ke zaman sekarang ini. Kemudian bolehlah kita mengambil langkah yang konkret terhadap penilaian hukum rokok ini.

3.2 Pandangan-pandangan Fuqaha` Mengenai Hukum Merokok

Dalam merintis kefahaman hukum yang dikemukakan oleh para fuqaha', adalah sebaiknya kita melihat dari pelbagai sudut hukum darinya. Kemudian dilihat pula kepada keperluan hukum ini yang lebih bersifat semasa (kontemporari). Kenyataan ini bukan untuk membelakangkan keputusan yang telah dibuat oleh para fuqaha' dahulu tetapi menterjemahkannya supaya lebih bersifat semasa, sesuai dengan keperluan umat Islam dan negara.

Umumnya, masyarakat Islam memang telah terdedah dengan budaya merokok ini. Ianya bukan sahaja mencengkam sebahagian peringkat umur, bahkan ia telah merebak ke segenap lapisan masyarakat, tua atau muda, tinggi atau rendah tarafnya, dan sama ada golongan biasa atau profesional.

Selain dari itu, rokok turut dikaitkan dengan beberapa faktor lain yang mempengaruhi corak kehidupan sesebuah keluarga atau masyarakat. Antaranya, ia dilihat dari sudut kesihatan yang banyak membincangkan kemudharatan, perbelanjaan harian yang agak besar untuk memperolehnya dan lebih utama ia melibatkan persoalan hukum syarak.

Atas dasar inilah, maka kita perlu mengimbas kembali beberapa keputusan hukum yang pernah dikemukakan oleh para fuqaha' silam sebagai memakmurkannya di dalam bentuk yang lebih semasa dan bersesuaian dengan realiti masyarakat Malaysia masa kini.

Sebenarnya semenjak dahulu lagi, para fuqaha' Islam telah memberi beberapa pendapat dan hujah masing-masing untuk menentukan hukum merokok ini. Ini menggambarkan kesediaan mereka terhadap sebarang isu apabila terdedah dengan perkara semasa pada zaman tersebut. Walau bagaimanapun, mereka berselisih pendapat dalam menentukan hukum merokok sama ada haram, makruh atau harus. Ini membuka ruang kepada masyarakat Islam pada masa sekarang untuk menentukan sikap masing-masing terhadap hukum merokok. Adakah hukum merokok sekarang ini menjadi harus, makruh atau haram ? Perbincangan mereka adalah seperti berikut :

3.2.1 Pendapat yang mengatakan merokok haram

Dalam menetapkan hukum merokok adalah haram, pengkaji membahagikan pendapat mereka kepada dua bahagian iaitu "ulama salaf dan "ulama semasa. Ini bertujuan untuk memudahkan rujukan dan kefahaman menerusi hujah-hujah mereka selaras dengan perkembangan zaman dan disesuaikan dengan syariat Islam selaras dengan kemajuan masyarakatnya.

Namun, dalam beberapa kekecualian yang ada, merokok diharuskan dalam perubatan dan penggunaannya sekadar untuk mengelakkan kesakitan dan tidak memudharatkan akal serta terkawal. Ini disepakati semua fuqaha' (Ijmak).⁴⁸ Antaranya merokok menggunakan bunga cengkih untuk mengubati penyakit resdung yang meluas di kalangan masyarakat Malaysia sekarang. Ia bersifat sementara sahaja.

3.2.1a "Ulama- "ulama Salaf

Menurut fuqaha', amalan merokok ini bermula di Damsyik, Syria dan menular ke dalam negara Islam pada awal kurun 11 Hijrah bersamaan 15 Masehi. Para fuqaha' telah bersepakat dengan mengharamkannya. Namun, mereka berbeza pendapat dalam menentukan "illah pengharamannya sama ada merokok memabukkan atau melemahkan tubuh atau "illahnya ialah ia membawa mudharat dan najis yang kedudukannya sama dengan arak.⁴⁹ Majoriti pandangan para "ulama empat mazhab menekankan hukum merokok adalah haram sama ada dari sudut agama dan sebagainya. Antara "ulama- "ulama mazhab yang memberi komen tentang hukum ini adalah seperti berikut;

i- Kebanyakan "ulama mazhab Hanafi telah berpendapat bahawa merokok adalah haram. Antara mereka yang mengharamkannya ialah al-Syeikh Muhammad al-Khuwajah dan al-Syeikh Muhammad al-Syahawi (ulama di zaman kerajaan Uthmaniah, Turki), al-Syeikh Muhammad al-Sindi, al-Syeikh Muhammad bin Sa'd al-Din, al-Syeikh Muhammad al-Aini, al-Syeikh Muhammad bin Abdul "Azim al-

⁴⁸ Ibnu "Abidin (1998M/1419H), op. cit., J. 10, hal : 37.

⁴⁹ Abdul Karim Zaidan (1997M/1417H), *al-Mufassal fi Ahkam al-Mar'ah wa al-Bait al-Muslim fi al-Syar'iyyah al-Islamiyyah*, J 3, C. 3, Beirut : Muassasah al-Risalah, hal : 66.

Makki, al-Syeikh al-Allamah ^cAbdul Hayy al-Lucknowi, al-Syeikh ^cIsa al-Syahawi dan al-Syeikh Muhammad al-Madani al-Hanafi⁵⁰ serta Abul Hassan al-Misri al-Hanafi⁵¹

ii- Majoriti ^culama mazhab Syafi'e pula berpendapat bahawa rokok adalah haram. Antaranya ialah Al-Habib Ahmad bin Hasan bin ^cAbdullah al-Haddad al-^cAlwi, datuknya; ^cAbdullah⁵², al-Syeikh Muhammad ^cAli bin ^cIlan al-Bakri al-Siddiqi⁵³, al-Sayyid ^cAbdul Rahman al-Masyhur⁵⁴, Najmuddin bin Badruddin al-Maghribi al-Amiri al-Syafi'e dan al-Syeikh Syarfuddin al-Syabrawi al-Syafi'e al-Misri al-Azhari.⁵⁵

iii- Semua ^culama mazhab Maliki sepakat mengharamkan rokok semasa membaca al-Quran dan ketika berada di dalam masjid. Majoriti ^culama mazhab Maliki turut mengharamkan rokok dalam apa juar aktiviti dan sebahagian yang lain pula mengharamkannya apabila terdapat kemudharatan. Antara mereka adalah al-^cAllamah al-Syeikh Ibrahim al-Luqani, al-Syeikh Salim al-Sanhuri, al-Syeikh al-Qarsyi, al-Syeikh Ahmad al-Maliki, Al-^cAllamah ^cAbdullah al-^cAsami al-Maliki⁵⁶, al-Syeikh

⁵⁰ Mamduh Fakhri Julihah (Dr), (27-30 Jamadil Awwal 1402H/3-5 March 1982), *al-Tadhkin Bain al-Ilm wa al-Din*, Saudi : Muktamar di Madinah al-Munawwarah, hal : 23

⁵¹ Rasul Dahri, (1997), op.cit, hal : 11

⁵² Al-Habib ^cAbdullah bin ^cAlwi al-Haddad (t.t), *Tathbit al-Fuad*, J. 2, T.T.P : Al-Sayyid ^cAli bin ^cIsa al-Haddad (waris penulis), hal : 231. Beliau adalah Al-Habib ^cAbdullah bin ^cAlwi al-Haddad al-^cAlwi al-Husaini al-Hadrami, seorang ^culama di Hadramaut yang wafat pada tahun 1132H dan banyak menulis kitab yang masyhur seperti *al-Dakwah al-Taammah wa al-Tazkirah al-^cAmmah, wa al-Nasih al-Diniyah wa al-Wasya al-Imaniyah* dan banyak lagi.

⁵³ Mamduh Fakhri Julihah, Dr, (27-30 Jamadil Awwal 1402H/3-5 March 1982), op. cit., hal : 34 – 35.

⁵⁴ Al-Sayyid ^cAbdul Rahman bin Muhammad al-Masyhur (t.t), *Baghiyyatul Mustarsyidin*, Beirut : Dar al-Makrefah, hal : 260

⁵⁵ Mamduh Fakhri Julihah, Dr, (27-30 Jamadil Awwal 1402H/3-5 March 1982), op. cit., hal : 36 - 37.

⁵⁶ Mamduh Fakhri Julihah, Dr (27-30 Jamadil Awwal 1402H/3-5 March 1982), op. cit., hal : 43.

Hamud at-Tuwaijari dan al-Syiekh Khalid bin Ahmad bin ^cAbdillah al-Maliki al-Ja^cafari⁵⁷ serta Abil Gais al-Gasas al-Maliki⁵⁸

iv- Majoriti ^culama muta' akhirin mazhab Hanbali termasuk semua ^culama Hanbali di Najd mengatakan hukum haram. Antaranya ialah al-Syiekh al-^cAllamah ^cAbdul Rahman al-Buhuti al-Azhari al-Hanbali, al-Syiekh Muhammad bin Bilban al-Dimasyqi al-Salehi dan al-Syiekh al-^cAllamah Mufti al-Hanabilah al-Syiekh ^cAbdul Baqi serta al-Syiekh Ahmad al-Sanhuri al-Buhuti, al-Syiekh al-Mansur al-Buhuti⁵⁹ (Ulama Hanbali di Mesir dan wafat pada 1055H), al-Syiekh Yahya bin ^cUtwah., al-Syiekh Muhammad bin ^cAbdul Wahhab⁶⁰, al-Syiekh Ahmad al-Sanhuri al-Buti al-Hanbali, al-Syed al-Maliki al-Lakni, al-Syed Muhammad al-Hawajah, Isa al-Syahawi dan Mufti Kerajaan ^cArab Saudi yang lalu ; al-Syiekh Muhammad bin Ibrahim.⁶¹

3.2.1b ^cUlama-^culama Semasa

Setelah kita melihat pandangan-pandangan ulama terdahulu, kita perlu meninjau beberapa pandangan yang dikemukakan oleh para ^culama semasa yang berusaha berijtihad sesuai dengan kehendak semasa umat.

⁵⁷ Al-Syiekh Muhammad ^cAli bin Husain (mufti dari mazhab Maliki) (t.t), *Tahzib al-Furuq wa al-Qawaid al-Sunniah*, J. 1, Cetakan kulit tepi kitab al-Furuq oleh Imam al-Qarafi, T.T.P. : T.P, hal : 216.

⁵⁸ Rasul Dahri, (1997M), op.cit, hal : 11; Dr. Mamduh Fakhri Julihah (27-30 Jamadil Awwal 1402H/3-

5 March 1982), Op. cit, hal : 23

⁵⁹ Dr. Mamduh Fakhri Julihah (27-30 Jamadil Awwal 1402H/3-5 March 1982), Op. cit., hal : 54 – 56.

⁶⁰ Ibid hal : 56 - 58

⁶¹ Majalah al-Majmak al-Fiqhi al-Islami (1414H/1993M), Tahun ke-6, Bil. 7, hal : 156.

Keadaan ini penting kerana mengambil kira keperluan semasa. Hukum fiqh sentiasa berkembang dan ijtihad sentiasa terbentang luas untuk kegunaan umat tanpa membelaangkan dua sumber terawal.

3

Antara ‘ulama-‘ulama yang memberi pandangan mereka bahawa merokok adalah haram ialah Imam Mahmood Syaltut⁶², Ahmad bin Abdul ‘Aziz al-Hussein⁶³, ‘Abdullah Nasih ‘Ulwan⁶⁴, Syeikh Abdul ‘Aziz bin Baz⁶⁵ Dr. Yusuf al-Qaradhawi⁶⁶, Dr. Wahbah al-Zuhaili⁶⁷ dan al-Syeikh al-Islam Ibnu Taimiyah.⁶⁸

Selain mereka, terdapat pandangan-pandangan menyokong hukum di atas yang dikemukakan menerusi persatuan atau badan-badan penyelidik seperti Lujnah Fatwa Universiti al-Azhar⁶⁹, Lujnah al-Da`imah lil Buhuth al-Ilmiah wa al-Ifta’ Riyad⁷⁰, Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam)⁷¹ dan agama-agama selain Islam turut mengharamkannya seperti golongan Seventh Day Adventist dan Mormons dari mazhab Kristian yang mengharamkan para pengikutnya merokok.⁷²

⁶² Mahmood Syaltut (1403H/1983M), *al-Fatawa Dirasah li Mushkilat al-Mu‘allim al-Ma‘asir fi Hayat al-Yaumiyah wa al-‘Ammah*, C. 12, Beirut : Dar al-Syuruk, hal : 383 – 385.

⁶³ Ahmad bin Abdul Aziz al-Hussein, (20/12/1409H), op. cit, hal : 25

⁶⁴ ‘Abdullah Nasih ‘Ulwan (1403H/1983M), *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam*, J. 1, C. 6, Kaherah : Dar al-Salam, hal : 223 - 225.

⁶⁵ Majalah al-Jami‘ah al-Islamiah bi al-Madinah al-Munawwarah (1391H), Bil. Muhamarram

⁶⁶ Dr. Yusuf al-Qaradhawi (1992M/1412H), *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*, C. 21, Kaherah : Maktabah Wahbah, hal : 78.

⁶⁷ Dr. Wahbah al-Zuhaili (1997M/1418H), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, J. 4, C. 4, Damsyik : Dar al-Fikr, hal : 2624 - 2626.

⁶⁸ Ibid : hal . 77; Ibnu Taimiyah (I.I), *Majmuk Fataawa*, J. 34, T.T.P : T.P, hal : 210 – 212.

⁶⁹ Majalah al-Tasawwuf al-Islami (Muhamarram 1405H/Okttober 1984M).

⁷⁰ Majalah al-Jundi al-Muslim, bil. 32, t.t, T.Pt., thlmn.

⁷¹ Ridzuan Yob (31 Mei 2000), hal : 12.

⁷² Hashemi Bohari (1997M), op. cit. hal : 45.

3.2.1c Hujah-hujah Pengharaman

a) Merokok menyebabkan kesihatan tergugat sedikit demi sedikit kerana kandungannya yang diykini merbahaya dan disahkan oleh pakar-pakar perubatan moden dan agama Islam apabila kemudharatannya sudah tentu mengharamkannya sesuai dengan firman Allah (s.w.t) ;

(i) Allah telah berfirman ; -

وَلَا تُلْقِوْ بِأَيْدِيْكُمْ إِلَى الْتَّهْلُكَةِ

Ertinya : “ Dan jangan kamu menjatuhkan diri kamu ke dalam kebinasaan ”.

Surah al-Baqarah (2) : 195

(ii) Allah telah berfirman ;

وَلَا تَقْتُلُوْ أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا

Ertinya : “ Dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri, sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihi kamu ”.

Surah al-Nisa' (4) : 29

Kedua-dua ayat di atas melarang perbuatan yang boleh membinasakan diri sendiri atau boleh mendatangkan bahaya terhadap diri termasuk kerosakan yang boleh berlaku bukan dengan sebab syarak juga. Perokok sengaja untuk membunuh diri sedangkan perbuatan itu adalah dilarang sama sekali. -

Imam Mahmood Syaltut lebih menekankan bahawa merokok dan segala perkara yang berkaitan dengannya adalah dianggap sebagai haram (pendapat yang terkuat). Ini memandangkan kesan-kesannya dari segi kesihatan yang terjejas, selera

makan yang berkurangan, kurang pengurusan diri atau yang lebih teruk lagi boleh membinasakan diri terutama pada hati.

Kaedah Islam yang umum menyebut bahawa perlunya menjaga lima asas utama iaitu aqidah, nyawa, akal, keturunan dan harta. Mana-mana dari salah satu perkara di atas terjejas, maka ia perlu dihindarkan walaupun dengan sebab yang kecil, boleh membawa hukum sama ada haram atau makruh. Islam melihat bahawa merokok merujuk kepada kesihatan tubuh boleh menjelaskan akal dan harta. Islam juga telah mengharamkan sesuatu perkara yang diharuskan apabila ia lebih menjurus kepada kemudharatan. Bahkan turut mengharamkan sesuatu ibadat yang difardhukan apabila diyakini ia boleh memudharatkan atau wujud sedikit kemudharatan.

Apabila rokok tidak memberi kesan memabukkan, tidak merosakkan akal yang mana tiada kesan mudharat sama ada pada rasa dan bukan rasa, maka pakar perubatan menekankan kepada unsur-unsurnya dan mereka dapatti unsur beracun mengancam kebahagiaan manusia. Jadi tidak syak ia memudharatkan dan membawa penyakit. Menurut Islam ia adalah sesuatu yang kotor yang membahayakan serta tidak diharuskan.

Dengan ini kita menyedari dengan kesan-kesan rokok yang buruk terhadap kesihatan dan harta, syarak menghukumnya dengan haram atau makruh dan ia tidak terhenti ke atas nas yang khas dengannya semata-mata. Pengambilan illah hukum dan kaedah-kaedah syarak yang bersifat umum turut dinilai. Dengan ini, Islam mempunyai kemampuan yang kukuh dalam memberi setiap hukum bagi sesuatu perkara yang baru bagi manusia. Kemudharatan perlu diatasi dan mengambil

manfaat adalah diharuskan. Apabila wujud kesamaan antara manfaat dan mudharat, maka membasmi adalah lebih baik dari mengubati.⁷³

(b) Rokok Melemahkan Akal

Golongan ini berpendapat hukum merokok haram dengan beberapa °illah pengharamannya sama ada merokok memabukkan atau melemahkan tubuh atau °illahnya ialah ia membawa mudharat dan najis yang kedudukannya sama dengan arak. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ummu Salamah,⁷⁴

عن أم سلمة قالت : نهى رسول الله صلى الله عليه وسلم عن كل
مسكر ومفتر

Ertinya : “ Dari Ummu Salamah telah berkata : Rasulullah (s.a.w) telah melarang dari mendekati setiap perkara yang memabukkan dan melemahkan tubuh (mengkhayalkan) ”.

Ibnu al-Athir, Ibnu Hajar al-Haitami dan Al-Khattabi mentafsirkan kalimah)

(المفتر) sebagai;

- (i) “ Sesuatu yang apabila digunakan oleh manusia boleh menyakitkan tubuh dan menyebabkan badan menjadi lemah.”⁷⁵
- (ii) “ Para °ulama berpendapat; bahawa (المفتر) ialah setiap apa yang berkaitan dengan melemahkan dan memabukkan pada semua segi.”⁷⁶

⁷³ Mahmood Syaltut (1403H/1983M), *al-Fatawa Dirasah li Mushkilat al-Mufallim al-Mafasir fi Hayat al-Yaumiyyah wa al-'Ammah*, C. 12, Beirut : Dar al-Syuruk, hal : 383 – 385.

⁷⁴ Abu Daud (t.t), *Sunan Abu Daud*, J. 3, Kaherah : Dar al-Hadis, hal : 327 (no. 3686); Muhammad Nasaruddin al-Albani (1990M/1410H), *Dhaif al-Jami' e as-Saghir wa Ziadatuhu*, C. 3, Beirut : al-Maktabah al-Islamiyah, hal : 875. (no. 6077). Beliau berpendapat bahawa hadis ini adalah dhaif.

⁷⁵ Ibnu al-Athir (t.t), *al-Nihayah fi Gharib al-Hadis wa al-Athar*, J. 3, Mesir : Dar Ehya' al-Kutub al-Arabiah li Sahibiha 'Isa al-Babi al-Halabi wa Syirkaihi, hal : 408.

⁷⁶ Ibnu Hajar al-Haitami (t.t), *al-Zawajir 'an al-Kabair*, J. 1, T.T.P : T.P, hal : 172.; Abdul Karim Zaidan (1997M/1417H), op. cit., J. 3, hal : 64.

- (iii) “**المفتر** (المعنى) ialah apa yang melemahkan dan mengkhayalkan tubuh, manakala mabuk pula meliputi semua segi dengan dimulai dengan mabuk (السكر).”⁷⁷
- (iv) Kitab Lisan al-‘Arab pula, kalimah (**المفتر**) membawa makna yang seerti dengan mehabukkan. Ini berasaskan kepada makna yang zahir pada segi istilah bahasa.⁷⁸
- (v) Ibnu Hamdun memilih bahawa rokok itu adalah melemahkan (**المفتر**) secara mutlak dan ia haram digunakan walau pun sedikit kerana ia sama dengan banyak dari segi penggunaannya iaitu melemahkan atau melesukan tubuh.⁷⁹

Pengharaman menerusi illah ini turut disokong oleh Najm al-Din al-Zahidi al-Hanafi dengan berpegang kepada hadis yang diriwayatkan dari Ummu Salamah.⁸⁰

Al-Syeikh al-Islam Ibnu Taimiyah menerusi kitabnya, *al-Siasah al-Syarī‘ah*, menambah hukuman hudud perlu dikenakan terhadap penggunanya kerana ia sama seperti meminum arak. Ia mengandungi sesuatu yang lebih buruk dari arak di mana ia boleh melemahkan akal dan mengandungi bahan-bahan campuran tertentu sehingga boleh menyebabkan seseorang lemah, dan mengalami berbagai kerosakan yang lain.

Beliau turut menekankan hukum tersebut menerusi kitab *Majmuk Fatawa*. Katanya:⁸¹

“Tidak ada bezanya di antara mabuk kerana makan, minum atau telan seperti ganja. Walaupun rokok hanya melemahkan akal dan

⁷⁷ Muhammad Syamsul Haq al-‘Azhim Abadi (1995M/1415H), *Aunun Ma‘bud Syarh Sunan Abi Daud*, J.10, Beirut : Dar al-Fikr, hal : 103 (no. 3683). Muhammad bin ‘Ismail al-Amir al-Yamani al-An‘ani (1997M/1418H), *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram min Jam‘i Adillah al-Ahkam*, J. 4, Beirut : Dar Ehya’ al-Turath al-‘Arabi, hal : 47.

⁷⁸ Abi al-Fadl Jamaluddin Muhammad bin Mukrim ibnu Manzur al-Afriqi al-Misri (1414H/1994M), *isan al-‘Arab*, J.5, C. 3, Beirut : Dar al-Sadir, hal : 43.

Ibnu Hamdun (t.t), *Tahzib al-Furuq wa al-Qawa‘id al-Sunnah*, T.T.P : T.P, J. 1, hal : 216-217.

Ibnu ‘Abidin (1998M/1419H), op. cit., J. 10, hal : 40-41.

Ibn Taimiyah (t.t), op. cit., J. 34, hal : 205 – 212

tidak memabukkan, namun ia mewarisi sifat seperti arak juga. Bahkan ia lebih memudharatkan lagi ”.

Ibnu Baitar menyokong dengan menyebut bahawa;⁸²

“ Rokok atau hasyisy mudah diperolehi dengan harga yang murah dan mempunyai banyak keburukan. Setengah ‘ulama menyebut bahawa terdapat seratus dua puluh keburukan rokok dari segi agama dan dunia. Keburukan yang paling besar ialah terdapat nikotin dan kemudharatan yang lain ”.

Jelas di sini bahawa pengharaman merokok berdasarkan tafsiran-tafsiran oleh beberapa fuqaha’ dri berbagai cabang ilmu adalah haram berdasarkan bukti-bukti nyata berkaitan dengan merokok.

(c) Rokok Adalah Benda Yang Kotor

Maksud kotor dri segi bahasa adalah sesuatu yang dibenci untuk dimakan atau diminum serta dibenci untuk dihidu atau disedut.⁸³ Sifat-sifat ini wujud pada rokok dan ditambah dengan kemudharatannya sehingga sifat tersebut kekal bersama perokok. Al-Syeikh Muhammad bin Ibrahim, bekas Mufti Kerajaan °Arab Saudi yang lalu dalam fatwanya tentang rokok telah mengatakan haram. Ini kerana ia dilihat memabukkan atau melemahkan iaitu memudharatkan kesihatan, membazirkan harta dan mendatangkan bau yang kurang elok.⁸⁴

⁸² Muhammad bin °Ismail al-Amir al-Yamani al-San°ani (1997M/1418H), op. cit., J. 4, hal : 47..

⁸³ Abdul Wahhab bin °Abdul Salam Tawilah (1986M/1406H), op. cit., hal : 473.

⁸⁴ Majalah al-Majmuk al-Fiqhi al-Islami (1414H/1993M), Tahun ke-6, Bil. 7, hal : 156.

Nabi Muhammad (s.a.w) pernah melarang mereka yang memakan bawang putih dan bawang besar dari memasuki masjid. Baginda telah bersabda;⁸⁵

عَنْ أَبِي عُمَرْ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا : أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فِي غَزْوَةِ حَيْبَرٍ مَّنْ أَكَلَ مِنْ هَذِهِ السَّجَرَةِ يَعْتَيِ الْوَمْ فَلَا يَأْتِيَنَّ الْمَسَاجِدَ

Ertinya : “ Daripada Ibnu ‘Umar r.a katanya: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w pernah bersabda ketika dalam peperangan Khaibar: Sesiapa yang memakan dari pohon ini iaitu bawang putih maka janganlah dia memasuki masjid ”.

Merokok dianggap haram dengan mengqiyaskannya kepada bawang putih dan bawang besar kerana baunya yang busuk. Walau bagaimanapun bawang masih memberi faedah dari segi kesihatan dan baunya yang busuk akan hilang apabila dimasak. Ini berbeza dengan rokok yang memang tidak membawa manfaat langsung dan baunya yang busuk tetap kekal. Tambahan lagi, rokok memang secara langsung tidak bermanfaat. Ini disebut menerusi firman Allah ta’ala;

وَيُحِلُّ لَهُمُ الْطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَثِ

Ertinya : “ Dan Dia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk ”.

Surah al-A‘raaf,(7) : 157

Adalah jelas di sini bahawa segala yang buruk diharamkan tanpa pertikaian. Syarak turut menekankan bahawa setiap yang baik, bersih, bermanfaat dan

Ibnu Hajar al-Asqalani, (1997M/1418H), Op. cit., J. 2, hal : 437 (no 853); Mahyuddin al-Nawawi, 998M/1419H), op. cit . J. 5, hal : 50 (no. 1246)

lazat adalah halal dan sebaliknya setiap yang kotor, jijik dan memudharatkan dianggap haram.⁸⁶

(d) Merokok Merupakan Perbuatan Yang Membawa Pembaziran

Harta merupakan satu kenikmatan dari Allah (s.w.t) untuk hamba-Nya melakukan segala yang terbaikmenerusinya dan ia merupakan satu amanah yang perlu dijaga. Merosakkan atau membelanjakan harta ke jalan yang tidak direhui adlah dimurkai. Merokok dikenalpasti sebagai tidak menguntungkan, malah ia membawa pelbagai musibah dan tidak berfaedah.

Profesor Dr. Wahbah al-Zuhaili telah menegaskan bahawa para "ulama nazhab telah bersepakat ke atas segala bentuk minuman yang memabukkan sama ada sedikit mahupun banyak atau dimasak dan sama ada diambil dari minuman arak atau bukan dari jenis kismis atau tamar atau melemahkan atau dari jenis bijirin seperti sandum, barli dan bijiran. Ini termasuk juga segala bentuk yang memudharatkan apabila diminum seperti racun atau bernajis seperti darah yang mengalir dan air sening sehingga memudharatkan tubuh.

Beliau turut menegaskan bahawa segala benda yang memabukkan dan elemahkan sehingga boleh memudharatkan akal dan tubuh badan seperti ganja dan rokok adalah diharamkan. Ini berasaskan hadis yang diriwayatkan oleh Ummu

⁸⁶ ⁶Abdu Wahhab bin ⁶Abdul Salam Tawilah (1986M/1406H), op cit., hal : 474

Salamah yang lalu. Selain memudharatkan akal dan tubuh, ia juga turut melambatkan gerakan, malas dan tidak dihormati.⁸⁷

Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah (s.a.w);

- (i) Larangan membazirkan harta;⁸⁸

عَنْ الْمُغِيْرَةِ بْنِ شَعْبَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَ حَرَمَ عَلَيْكُمْ عُطُوقَ الْأَمَهَاتِ وَوَادِ الْبَنَاتِ وَمَنْعَاهُتِ وَكَرَهَ لَكُمْ ثَلَاثَ قِيلَ وَقَالَ وَكَثِيرَةَ السُّؤَالِ وَإِضَاعَةَ الْمَالِ

Ertinya : " Daripada al-Mughirah bin Syubah r.a katanya: Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya

hari Kiamat dari sisi tuhannya sehingga lah disoal tentang lima perkara : tentang umurnya bagaimana dihabiskan, tentang bagaimana usia muda dipergunakan, hartanya; daripada mana diperolehi dan bagaimana dihabiskannya dan apakah amalannya dari ilmu yang diperolehi”.

Terdapat empat perkara yang akan Allah soal di akhirat kelak iaitu;

- (a) Tentang umur mereka sedangkan mereka yang merokok memudharatkan diri sendiri dan ini dikira sebagai maksiat terhadap Allah
- (b) Tentang pengetahuan mereka sedangkan mereka sejak dari awal menyedari tentang kemudharatan rokok dan keharamannya, bahkan meneruskan aktiviti tersebut.
- (c) Tentang harta mereka sedangkan mereka membelanjakan harta ke tempat yang tiada faedah dan harta adalah amanah sementara dari Allah. Maka adalah tidak betul sekiranya membelanjakan harta ke arah sesuatu yang diharamkan dan sepatutnya membelanjakan ke arah yang diredhai-Nya
- (d) Tentang tubuh mereka kerana ia adalah amanah Allah. Segala kekuatan anggota tubuh sepatutnya untuk mentaati-Nya dan menggunakan tubuh ke arah mentaati-Nya juga. Manakala sebaliknya adalah mengkhianati amanah tersebut.⁹⁰

Al-Syekh Muhammad al-Madani al-Hanafi pula menambah;

Tembakau adalah haram. Antara dalil-dalilnya ialah ia membazirkan harta tanpa memberi faedah sama ada di dunia dan akhirat, sedangkan pembaziran dilarang berdasarkan firman Allah;

⁹⁰ Ahmad bin Abdul Aziz al-Hussain, (20/12/1409H), op cit., hal : 30

وَكُلُوا وَأْشِرِبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿٣﴾

Ertinya : “ Dan makanlah dan minumlah serta jangan kamu boros, sesungguhnya Dia (Allah) tidak menyukai orang-orang yang boros ”.

Surah al-A'raaf (7) : 3

Firman-Nya lagi;

وَعَاهِدُوكُمْ بِذَلِكُمْ وَأَلْيَسْكِينَ وَآبَنَ الْسَّبِيلِ وَلَا تُبَدِّرْ تَبَدِّيرًا ﴿٢٦﴾

Ertinya : “ Dan berikanlah hak kepada keluarga yang terdekat, orang-orang miskin dan orang yang dalam perjalanan, dan janganlah kamu membazirkan harta kamu dengan boros ”.

Surah al-Israa` (17) : 26

Dalam firman-Nya yang lain pula;

وَلَا تُؤْثِرُوا أَلْسُفَهَاءَ أَمْوَالَكُمْ

Ertinya : “ Dan jangan kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akal, harta (yang berada di dalam kekuasauannya)”.

Surah an-Nisaa` (4) : 5

Sebarang bentuk membazirkan menunjukkan manusia mensia-siakan arta tanpa faedah dan menunjukkan keburukan. Selain itu, ia membawa mudharat yang sangat besar, menyumbat mulut dengannya sehingga lalai mengingati Allah dan memburukkan dua bibir kerananya”.⁹¹

e) Penggunaan qiyas turut menyokong pengharamannya apabila rokok tergolong dalam kumpulan yang mengkhayalkan, melesukan, mengotorkan dan mengandungi unsur-unsur beracun yang memudharatkan. Ini bermakna ia perlu diharamkan kerana sebabkan wujud keseluruhan kemudharatan tersebut.

Rokok telah diqiyaskan dengan benda-benda yang memabukkan, melemahkan, beracun dan beracun kerana setiap benda yang memberi mudharat dikategorikan sebagai haram. Mudharat merupakan "illah umum yang meliputi setiap perkara yang haram. Maka mabuk adalah salah satu "illah yang memudharatkan dan perbuatan mudharat adalah umum meliputi benda yang mabuk atau tidak. Ia wujud di dalam rokok maka qiyas dihukum dengan haram merokok melihat kepada "illah yang memudharatkan".⁹²

f) Penggunaan Asas-asas Syariah dan Kaedah-kaedahnya

Sebenarnya terdapat banyak asas syariah dan kaedah-kaedah syarak dalam menilai sesuatu hukum umum yang ada mahupun yang tidak terdapat di dalam empat sumber utama (al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan Qiyas). Tujuannya adalah untuk menampung keperluan-keperluan hukum sesuai dengan perkembangan semasa.

Syariah mempunyai kemampuan memenuhi kehendak manusia dalam menetapkan hukum sesuai dengan kehidupan mereka yang semakin moden. Ini selaras dengan kemampuan syariah yang sentiasa bersedia memenuhi kehendak zaman yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa. Antara kaedah yang sesuai dengan hukum merokok ini seperti berikut;

i) Kemudharatan Hendaklah Dihindarkan

Setiap perkara yang boleh mendatangkan mudhart hendaklah dihapuskan dan mudharatan yang ditolak sekadar tempatnya sahaja. Sabda Rasulullah (s.a.w) pula menyebut,⁹³

عَنْ عَبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
قَضَى أَنْ : لَا ضَرُرَ وَلَا ضَرَارٌ

Ertinya: “Dari ‘Ubada bin al-Samit, bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah berhukum : ‘Tidak ada mudharat dan jangan memudharatkan’.”

Rokok adalah suatu benda yang kotor dan membawa mudharat. Manakala membazirkan wang ke arahnya adalah dilarang oleh Allah kerana mendekati syaitan. Apabila manusia mula mendekati syaitan, hendaklah mereka segera bertaubat.⁹⁴

Mustafa al-Zarqa' pernah menyebut bahawa;⁹⁵

⁹³ Khalil Makmun Syiha (1997M/1418H), op. cit., J. 3, C. 2, hal : 106 (no. 2340)

⁹⁴ Majalah al-Jundi al-Muslim (t.t), bil. 32.

⁹⁵ Ahmad bin Abdul Aziz al-Hussain, (20/12/1409H), op.cit., hal : 32-33

'Kaedah ini adalah satu rukun syarak dan terdapat banyak nas dari al-quran dan al-sunnah menyebutnya iaitu ia merupakan asas untuk menghalang perbuatan yang memudharatkan serta memberi ruang penyelesaian bagi kerugian harta dan balasan sepertimana ia dijadikan sandaran bagi memulakan pembersihan (reformasi) untuk mencapai kebaikan dan menolak kerosakan. Ia merupakan satu tempoh dan pertimbangan fuqaha' dalam menjalankan hukum-hakam syari'ah masa kini'

Selain itu terdapat hadis yang menolak segala yang memudharatkan kerana ia urut memudharatkan Allah;⁹⁶

عن طَرِيفِ أَبِي تَمِيمَةَ قَالَ : شَهَدْتُ صَفْوَانَ وَجَنْدِبًا وَأَصْحَابَةً وَهُوَ يُوصِيهِمْ فَقَالُوا : هَلْ سَمِعْتَ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَيْئًا؟ قَالَ : سَمِعْتُهُ يَقُولُ : مَنْ سَمَعَ سَمْعَ اللَّهِ بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ قَالَ : وَمَنْ شَاقَ شَقْقَ اللَّهِ عَلَيْهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Ertinya : " Dari Tarif Abi Tamimah, katanya : Aku melihat Safwan, Jundab Ibnu 'Abdullah al-Bajli al-Sahabiyy dan para sahabatnya (Safwan) sambil Ibnu 'Abdullah berwasiat kepada mereka lalu mereka bertanya : Adakah awak dengar sesuatu dari Rasulullah (s.a.w.)?. Katanya : Aku mendengar baginda bersabda : Barangsiapa yang riya', Allah turut riya' dengannya pada hari Kiamat. Katanya lagi : Barangsiapa yang memecah-belahkan (membuat/membawa mudharat), Allah akan memudharatkannya pada hari Kiamat nanti ".

Ini kerana *mudharat* ialah menemukan suatu keburukan dengan benda yang lain secara mutlak dan *memudharatkan* pula ialah menemukan suatu keburukan dengan benda yang lain menerusi bentuk yang disyariatkan.

Imam Ibnu 'Abdul Bar berhujah bahawa kedua-dua kalimah di atas seperti berikut:⁹⁷

⁹⁶ Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani (1997M/1418H), op. cit., J. 13, hal : 160 (no. 7152), Abu Qudud, 10/64, al-Hakim, al-Mustadrak, Jilid 2, ms/no. 57.
⁹⁷ Ali Ahmad al-Nadwi (1998M/1418H), *al-Qaw'id al-Fiqhiyah Maftuhuha, Nasy'atuha, Tathauwuha, Dirasah Muallifatiha Adillatuha, Muhimmatuha, Tatbiqatuha*, C. 4, Beirut : Dar al-Qalam, hal : 288.

" al-Khusyani telah berkata, mudharat ialah sebarang bentuk yang memberi manfaat kepada kamu tetapi merosakkan orang lain. Manakala memudharatkan ialah suatu yang tiada manfaat langsung sama ada terhadap diri sendiri atau orang lain. Inilah yang dimaksudkan seperitmanya yang disebut oleh hadis di atas ". Orang lain pula mengatakan " mudharat dan memudharatkan seumpama bunuh dan membunuh. Jadi mudharat ialah memudharatkan orang yang tidak mengalaminya sebelum itu dan memudharatkan ialah menambahkan apa yang telah sedia mudharat tanpa bantuan sesuatu".

Kaedah ini turut mempunyai hujah menerusi al-Quran dan al-Sunnah. Imam al-Syatibi telah menerangkan dengan merujuk hadis tentang kemudharatan, beliau berhujah bahawa kemudharatan perlu dihindarkan dan ia sabit menerusi hukum syarak dan kaedah-kaedah yang umum seperti beberapa firman Allah ta'ala di bawah;

- a- Firman Allah dalam surah al-Talaq;

وَلَا تُضَارُّهُنَّ لِتُضَيِّقُوهُنَّ عَلَيْهِنَّ

Ertinya : " Dan janganlah kamu mengadakan sesuatu yang menyakiti mereka (di tempat tinggal itu) dengan tujuan kamu hendak menyusahkan kedudukan mereka (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu) ".

Surah al-Talaq (65) : 6

- b- Firman-Nya yang lain pula;

وَلَا تُمْسِكُوهُنَّ ضِرَارًا لِتَعْتَدُوا

Ertinya : " Dan janganlah kamu pegang mereka (rujuk semula) dengan maksud memberi mudharat kerana kamu hendak melakukan kezaliman (terhadap mereka) ".

Surah al-Baqarah (2) : 231

c- Allah turut berfirman dalam ayat lain;

لَا تُضَارِّ وَلِدَةٌ بِوْلَدِهَا

Ertinya : " Janganlah menjadikan seorang ibu itu menderita kerana anaknya".

Surah al-Baqarah (2) : 233.

Dalam ketiga-tiga ayat ini, terdapat larangan dari merosakkan diri, harta, anggota tubuh badan dan dari sebarang kezaliman dan paksaan. Semuanya ini mempunyai hubungan dengan mudharat dan kemudharatan. Ia dianggap melakukan jenayah terhadap diri, akal atau keturunan sedangkan perbuatan ini termasuk di bawah matlamat umum syariat. Sekiranya ia dilihat pada hadis Ahad, ia turut menyebut perkara yang sama.⁹⁸

(ii) Asal Pada Sesuatu Yang Bermanafaat Adalah Harus

Asal sesuatu memang diharuskan sedangkan merokok merupakan perbuatan sebaliknya. Maka sudah tentu ia bertentangan dengan syariat dan perlu ditolak. Selain merosakkan, ia boleh juga membunuh manusia. Maka perbuatannya tentu ditolak.

Jika ad pendapt yang mengatakan merokok membawa satu manfaat, ternyata ia adalah helah untuk meneruskan hujah keharusan yang memang ternyata rokok memang tidak mempunyai sebarang kebaikan, malah ia memudharatkan.

⁹⁸ Abi Ishaq al-Syatibi (t.t), *al-Muafaqat fi Usul al-Syari'ah*, Jilid 2, J. 3, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, hal : 12.

(iii) Menolak Kerosakan Perlu Didahulukan Dari Mengambil Kebaikan

Merokok merupakan perbuatan yang mendatangkan kerosakan yang besar terhadap kesihatan, harta dan baunya yang dibenci oleh masyarakat. Ibnu Nujaim⁹⁹ telah menyebut;

‘ Apabila berlaku pertembungan antara kerosakan dan kebaikan, maka menolak kerosakan hendaklah didahulukan kerana syariat lebih menekankan larangan berbanding dengan perintah (buat). Dengan sebab itu, Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda;

إِذَا أَمْرَتُكُمْ بِشَيْءٍ فَأَتُوا مِنْهُ مَا أُسْتَطِعْتُمْ وَإِذَا نَهَيْتُكُمْ عَنْ شَيْءٍ فَاجْتَنِبُوهُ

“ *Apabila Aku menyuruh kamu membuat akan sesuatu, maka hendaklah kamu mendatanginya (melakukannya) sedaya mungkin dan apabila Aku melarang kamu dari melakukan sesuatu, maka hendaklah kamu menjauhinya* ”.

Maka menghisap rokok merupakan perbuatan yang merosakkan dan perlu dielakkan. Adalah perlu menjauhinya sedaya mungkin seperti mana membuat sesuatu kebaikan dengan seberapa daya yang mungkin.

(iv) Menggunakan *Sadd al-Zari^{rah}*

Sadd al-Zari^{rah} ialah menjauhkan dari mengutamakan perkara haram. Merokok merupakan suatu yang melemahkan. Dengan ini, menghisap rokok seperti memulakan suatu yang haram memandangkan zari^{rah}nya lebih kepada haram (kemudharatan – penyakit – membuang duit).

⁹⁹ Ahmad bin ‘Abdul Aziz al-Hussein (20/12/1409H), op. cit., hal. 33

Manakala tanggungjawab syarak lebih menekankan kepada mengawal maqasidnya terhadap makhluk dan maqasid tidak boleh lari dari Daruriyat, Hajiyat dan Tahsinat. Merokok membahayakan dan mengancam agama, dunia dan membawa kepada haram maka, hendaklah diharamkan.

(v) Apabila Bertembung Halal Dan Haram Diutamakan Haram.

Imam al-Juwaini berkata;¹⁰⁰

Tidak terkeluar darinya melainkan ada kekecualian dan dari cabang-cabangnya yang apabila bertemu dua dalil yang salah satunya bermaksud haram sedangkan yang lain menyebut sebagai harus, maka perlu diutamakan haram menurut pendapat yang asah. Kaedah ini adalah kaedah lain yang mengharamkan rokok juga kerana ada para ulama terdahulu yang menyebut tentang hukum halal, makruh dan haram merokok. Setiap dalil yang dikemukakan merujuk kepada hukumnya. Maka boleh dikatakan berlaku pertembungan dalil-dalil halal dan haram. Dengan perlaksanaan kaedah ini perlu melihat kepada kebiasaanya yang mengutamakan hukum haram. Maka merokok dihukum haram di samping melihat juga pandangan lain dan golongan yang berpendapat dengan hukum halal atau makruh selain menyingkap rahsia tentang kemudharatan merokok pada setiap hari. Ini adalah bagi orang yang berpegang dengan kaedah ini kecuali sebahagian golongan yang menentang dan mengikut hawa nafsu semata-mata.

Manakala al-Syah Waliullah al-Dahlawi berpendapat tentang kaedah ini,¹⁰¹

Dalam masalah ini ada dua hukum iaitu harus dan haram. Sebenarnya setiap masalah dirujuk kepada asas syariat seperti hadis yang lalu dan dua qiyas yang berbeza. Dalam menetapkan suatu perkara yang baru, perlu melihat hukum syariat yang pernah disebut sama ada harus atau haram. Maka perkara yang tidak pasti baik bagi Allah dan manusia, sebaiknya ditinggalkan. Manakala mengambilnya pula ialah hanya pada perkara yang benar-benar tidak ada syubhat.

¹⁰⁰ Mahmood Fakhri, (Dr), (t.t), *al-Tadkhin Bain al-Ilm wa al-Din*, Saudi : Universiti Islam Madinah al-Munawwarah, hal : 271; Ahmad bin Abdul Aziz al-Hussein (20/12/1409H), op. cit., hal : 33-34

¹⁰¹ Ali Ahmad al-Nadwi (1998M/1418H), op. cit., hal : 310

(g) Merokok Tergolong Dalam Perkara Syubhat

Rokok memang tidak pernah berlaku pada zamn Rasulullah (s.a.w) dan ia merupakan perkara baru selepas zaman baginda. Ia termasuk dalam perkara yang diragui penggunaannya sama ada halal atau sebaliknya. Perkara-perkara yang mendarangkan syak adalah seharusnya berpandukan hadis berikut;¹⁰²

عَنْ الْعُفَّمَانِ بْنِ بَشِيرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ وَأَهْوَى الْأَعْمَانَ بِاِصْبَاعِهِ إِلَى أَذْنِيهِ إِنَّ الْحَلَالَ بَيْنَ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيْنَ وَبَيْنَهُمَا مُسْتَبَهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ فَمَنْ اتَّقَى الشَّبَهَاتِ اسْتَبَرَ لِيَنِّيهِ وَعَرَضَهُ وَمَنْ وَقَعَ فِي الشَّبَهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ كَالرَّاعِي يَرْعَى حَوْلَ الْحِمَى يُوشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيهِ أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمَى أَلَا وَإِنَّ اللَّهَ مَحَارِمُهُ أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْنَغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقُلُوبُ

Ertinya : " Daripada Nu'man bin Basyir r.a katanya: Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda, sambil Nu'man memegang kedua belah telinganya: Sesungguhnya perkara halal itu jelas dan perkara haram itu pun jelas. Manakala di antara kedua-duanya terdapat perkara-perkara syubhat yang tidak diketahui oleh orang ramai. Oleh itu, sesiapa menjaga diri dari perkara syubhat, dia telah bebas (dari kecaman) untuk agamanya dan kehormatannya dan sesiapa yang terjerumus ke dalam syubhat, bererti dia telah terjerumus ke dalam perkara haram, seperti pengembala yang mengembala di sekitar kawasan larangan, maka kemungkinan besar binatangnya akan memasuki kawasan tersebut. Ingatlah! Sesungguhnya setiap penguasa (kerajaan), memiliki daerah terlarang. Ingatlah! Sesungguhnya daerah yang terlarang milik Allah adalah apa saja yang diharamkan-Nya. Ingatlah! Sesungguhnya di dalam tubuh manusia itu ada segumpal daging, apabila ia baik maka baiklah seluruh tubuhnya dan jika ia rosak, maka rosaklah seluruh tubuhnya, tidak lain dan tidak bukan itulah yang dikatakan hati ".

¹⁰² Ibnu Hajar al-Asqalani (1997M/1418H), op. cit., J. 1, hal : 167 (no 52); Mahyuddin al-Nawawi, (1998M/1419H), op. cit., J. 11, hal : 29 (no. 4070)

Maksud syubhat yang membawa kepada haram adalah asap yang keluar dari mulut dan hidung manusia bukan menunjukkan perhiasan (kecantikan) bagi manusia bahkan, ia membawa kemudharatan pada masa akan dating. Maka meninggalkannya adalah lebih baik berbanding mendekatinya. Walaupun ia tidak menunjukkan pengharaman secara zat seperti haram mengambil arak dan memakan khinzir tetapi disebabkan kemudharatannya semata-mata. Merokok sedikit demi sedikit menyerupai pengambilan semua kemudharatan- dan sudah tentu diharamkan kerana ketagihan menyebabkan pengambilan semakin bertambah dan sukar dihentikan.

Adalah jelas di sini bahawa perlu meninggalkan perkara yang membawa syubhat dan rokok sebahagian daripadanya. Ibnu Hajar al-^cAsqalani menyebut;¹⁰³

“ Ia menyerupai hasil riwayat Ibnu Hibban dari jalan yang telah disebut oleh sanad Muslim dan lafaznya tidak berubah. Kamu hendaklah berhati-hati terhadap perkara di antara haram dan haram. Barangsiapa yang berbuat demikian, maka ia telah menyelamatkan fikiran dan agamanya. Barangsiapa yang menghampiri sehingga mendekatinya akan ditakuti jatuh ke dalamnya (haram). Ini bermakna perkara halal yang ditakuti terjejas sehingga membawa ke arah haram atau makruh, hendaklah dijauhinya ”.

Menurut sarjana Islam, rokok langsung tidak memberi faedah; berbeza dengan arak di mana ia masih mempunyai faadah dari segi perubtan iaitu ia boleh mlarutkan ubat. Dari segi ini, rokok melebihi arak dari semua aspeknya dan kedua-duanya bertentangan dengan Islam. Maka ia dikira haram bersesuaian dengan hadis Ummu Salamah yang lalu.¹⁰⁴

¹⁰³ Ibnu Hajar al-^cAsqalani (1997M/1418H), op. cit., J. 1, hal : 169.

¹⁰⁴ Muhammad Nasaruddin al-Albani (1990M/1410H), op. cit. J. 3, hal : 327 (no. hadith : 3686)

Al-Syeikh Muhammad °Ali bin °Ilan al-Bakri al-Siddiqi turut mengharamkan rokok kerana ia perkara baru yang jelas tidak membawa kebaikan seperti yang dinukilkan oleh al-Lucknowi;¹⁰⁵

“ Menghisap rokok adalah perbuatan *bidaah* yang kotor lagi mungkar seperti mana yang diperlihatkan oleh ‘ulama-‘ulama terhadap keburukannya dan penggunanya. Kebanyakan dari mereka mengalami penyakit dan kesan lain sehingga diharamkan”.

Manakala al-Sayyid °Abdul- Rahman al-Masyhur, mufti Hadramaut berpendapat menerusi tulisannya;¹⁰⁶

“ Tembakau terkenal dengan khayalan yang buruk yang melemahkan dan membuang harta. Jangan dipilih kegunaan asapnya untuk dimakan, dihisap atau diminum bagi orang yang mempunyai maruah. °Abdullah al-Haddad dan Ahmad al-Handawan seperti yang telah disebut oleh al-Qutb Ahmad bin °Umar bin Samit turut berfatwa dengan hukum ini. Bahkan al-Habib al-Imam al-Hussain bin as-Syeikh Abi Bakar bin Salam telah menerangkan tegahan itu. Katanya; Aku bimbang ke atas orang yang tidak sempat bertaubat sebelum ajalnya yang matinya membawa ke arah *Suu` al-Khatimah* ”.

Merokok merupakan perkara baru yang langsung merosakkan manusia. Najmuddin bin Badruddin al-Maghribi al-°Amiri al-Syafi°e dan al-Syeikh Syarfuddin al-Syabrawi al-Syafi°e al-Misri al-Azhari pernah mengharamkan rokok dan disokong oleh al-Allamah Abdullah al-Asami al-Maliki¹⁰⁷ dengan berkata;¹⁰⁸

“ Tidak diragui lagi bahawa rokok merupakan perkara yang baru yang tidak berlaku pada zaman-zaman terdahulu dan ia merupakan perkara *bidaah* yang disebut oleh para-mukmin dan bukan mukmin. Sesungguhnya Rasulullah (s.a.w) pernah menegah ke atas setiap

¹⁰⁵ Mamduh Fakhri Julihah, Dr, (27-30 Jamadil Awwal 1402H/3-5 March 1982), op. cit., hal : 34 – 35.

¹⁰⁶ Al-Sayyid °Abdul Rahman bin Muhammad al-Masyhur (t.t), *Baghiyyatul Mustarsyidin*, Beirut : Dar al-Makrefah, hal : 260.

¹⁰⁷ Mamduh Fakhri Julihah, Dr, (27-30 Jamadil Awwal 1402H/3-5 March 1982), op. cit., hal : 43

¹⁰⁸ Ibid, hal : 36 - 37

Al-Syeikh Muhammad ^cAli bin ^cIlan al-Bakri al-Siddiqi turut mengharamkan rokok kerana ia perkara baru yang jelas tidak membawa kebaikan seperti yang dinukilkan oleh al-Lucknowi;¹⁰⁵

“ Menghisap rokok adalah perbuatan bid’ah yang kotor lagi mungkar seperti mana yang diperlihatkan oleh ‘ulama-‘ulama terhadap keburukannya dan penggunanya. Kebanyakan dari mereka mengalami penyakit dan kesan lain sehingga diharamkan”.

Manakala al-Sayyid ^cAbdul- Rahman al-Masyhur, mufti Hadramaut berpendapat menerusi tulisannya;¹⁰⁶

“ Tembakau terkenal dengan khayalan yang buruk yang melemahkan dan membuang harta. Jangan dipilih kegunaan asapnya untuk dimakan, dihisap atau diminum bagi orang yang mempunyai maruah. ^cAbdullah al-Haddad dan Ahmad al-Handawan seperti yang telah disebut oleh al-Qutb Ahmad bin ^cUmar bin Samit turut berfatwa dengan hukum ini. Bahkan al-Habib al-Imam al-Hussain bin as-Syeikh Abi Bakar bin Salam telah menerangkan tegahan itu. Katanya; Aku bimbang ke atas orang yang tidak sempat bertaubat sebelum ajalnya yang matinya membawa ke arah Suu` al-Khatimah`”.

Merokok merupakan perkara baru yang langsung merosakkan manusia. Najmuddin bin Badruddin al-Maghribi al-^cAmiri al-Syafi^e dan al-Syeikh Syarfuddin al-Syabrawi al-Syafi^e al-Misri al-Azhari pernah mengharamkan rokok dan disokong oleh al-Allamah Abdullah al-Asami al-Maliki¹⁰⁷ dengan berkata;¹⁰⁸

“ Tidak diragui lagi bahawa rokok merupakan perkara yang baru yang tidak berlaku pada zaman-zaman terdahulu dan ia merupakan perkara bid’ah yang disebut oleh para mukmin dan bukan mukmin. Sesungguhnya Rasulullah (s.a.w) pernah menegah ke atas setiap

¹⁰⁵ Mamduh Fakhri Julihah, Dr, (27-30 Jamadil Awwal 1402H/3-5 March 1982), op. cit., hal : 34 – 35.

¹⁰⁶ Al-Sayyid ^cAbdul Rahman bin Muhammad al-Masyhur (t.t), *Baghiyyatul Mustarsyidin*, Beirut : Dar al-Makrefhah, hal : 260.

¹⁰⁷ Mamduh Fakhri Julihah, Dr, (27-30 Jamadil Awwal 1402H/3-5 March 1982), op. cit., hal : 43

¹⁰⁸ Ibid, hal : 36 - 37

(h) Menurut ^cAbdullah Nasih ^cUlwan; pensyarah Pengajian Islam Universiti al-Malik ^cAbdul ^cAziz Jeddah, beliau berpendapat bahawa rokok adalah haram berdasarkan dua sebab utama.¹¹¹

i) Memudharatkan Kesihatan dan Jiwa

Tidak syak lagi bahawa rokok seperti mana yang telah diperkatakan oleh pakar kesihatan boleh merosakkan keturunan, TAR yang tinggi, melemahkan daya ingatan, mengurangkan keinginan, menyebabkan keputusan wajah dan kekuningan gigi, membantutkan pergerakan, ketidakselesaan, menyebabkan penyusutan terhadap tubuh, merendahkan sifat semulajadi, keletihan dan kemalasan.

Kenyataan beliau disokong oleh majalah Khusus yang bertajuk al-Syabikal Jerman iaitu;

'Pakar perubatan Amerika telah berkumpul di Pusat Penyelidikan di Bandar Bazida (بازيدا) di Daerah Maryland, Amerika lalu membuat kajian terhadap kesan rokok ke atas kesihatan individu dan mereka sepakat mengatakan kemudharatannya seperti berikut:¹¹²

- a) Nisbah masalah kesihatan antara perokok lelaki meningkat sebanyak 68% berbanding bukan perokok.
- b) Nisbah masalah penyakit kronik yang dihadapi oleh perokok berbanding bukan perokok ialah; kanser paru-paru (10.8%), sesak nafas dan lemah jantung (6.1%), kanser kerongkong (5.4%), penyakit usus (3.4%), penyakit jantung (1.7%), dan kanser mulut (4.1%).

¹¹¹ ^cAbdullah Nasih ^cUlwan (1403H/1983M), *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam*, J. 1, C. 6, Kaherah : Dar al-Salam, hal : 223 - 225.

¹¹² Majalah al-Hadharah, tahun ke -12, Bil. 3 - 4, hal : 158.

- c) *Ini bermakna adalah diandaikan penyakit berjangkit dan lemak di hati bertambah sebanyak 70% terhadap perokok berbanding bukan perokok, dan semakin bertambah. Manakala nikotin mempunyai pelbagai jenis racun dan nisbah pertambahan serangan penyakit terhadap perokok adalah 1000% berbanding bukan perokok.*

ii) Memudharatkan Harta Benda

Merokok pada setiap hari menyebabkan perbelanjaan bertambah dengan membawa ke arah pembaziran, memporak-perandakan isi rumah, keluarga menjadi kucar-kacir dan sebagainya. Ini kerana penagih rokok seperti ini boleh merosakkan jiwanya, tidak produktif dan mungkin melakukan penyelewengan seperti rasuah dan merompak dengan tujuan mendapatkan wang bagi memastikan bekalan rokoknya sentiasa ada. Maka gejala ini adalah lebih memudharatkan berbanding kesihatan, akhlak dan masyarakat sedangkan orang ramai masih tidak menyadarinya.

- (i) Syeikh Abdul ^oAziz bin Baz, ketua Kajian Ilmiah, Fatwa dan Kepimpinan Kerajaan Arab Saudi telah menjelaskan apabila ditanya tentang hukum Islam berkaitan rokok, adakah isteri perokok tercerai dengan sebab suaminya merokok?. Kata beliau;

" Merokok mendatangkan hukum haram kerana ia sebahagian dari keburukan dan menghisapnya adalah haram. Manakala isteri perokok tidak tercerai dengan sebab rokok itu kerana seorang muslim apabila melakukan maksiat maka ia tidak tercerai. Sepatuinya ia bertaubat kepada Allah dan menjauhi dari mengulanginya semula ".¹¹³

3

Pandangan beliau turut mendapat sokongan dari beberapa pihak lain seperti;

- (i) Fatwa dari Lujnah Fatwa Universiti al-Azhar dan sedutannya disiarkan melalui Majalah al-Tasawwuf al-Islami yang menyebut;¹¹⁴

" Merokok adalah dikenalpasti oleh pakar-pakar dan melalui muktamar perubatan sedunia boleh menyebabkan kemudharatan terhadap kesihatan, kerana disebabkan oleh nikotin yang beracun, TAR dan kemudharatan bagi penagihnya. Ia sama seperti memudharakan harta dengan membelinya tetapi tidak mendatangkan manfaat seperti yang telah disebut di Muktamar Islam Sedunia kerana memabukkan dan membahayakan. Pengharaman ini sama ada menghisap atau menanam atau menjualnya telah dipersejuaui dalam pertemuan di Madinah al-Munawwarah antara 3 – 27 Jamadil Awal 1402H (2 – 25 Mac 1982M)

Terdapat juga fatwa al-Syeikh Muhammad bin Ibrahim Ali al-Syeikh; ketua mufti Kerajaan Saudi Arabia yang katanya; Tidak diragui lagi tentang keburukan rokok, nikotinnya dan sentiasa memabuk dan melemahkan... dan pengharamannya adalah berasaskan dalil naqli dan "aqli yang sah serta pemeriksaan pakar perubatan yang muktabar..."

- (ii) Lujnah al-Da'imah lil Buhuth al-Ilmiah wa al-Ifta' Riyad menghukum rokok sebagai haram kerana kemudharatannya dengan hujah seperti berikut;
- (a) Firman Allah ta'ala;

وَيُحِلُّ لَهُمُ الْطَّيْبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَتِ

¹¹³ Majalah al-Jam'iyyah al-Islamiah bi al-Madinah al-Munawwarah (1391H), op. cit., Bil. Muharram

¹¹⁴ Majalah al-Tasawwuf al-Islami (Muharram 1405H/Okttober 1984M), op. cit., Bil. Muharram

Ertinya : " Dan Dia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk ".

" Surah al-A'raaf, 7 : 157

- (b) Firman-Nya lagi;

وَكُلُوا وَأْشِرْبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿٥﴾

Ertinya : " Dan makanlah serta minumlah, dan janganlah pula kamu melampau-lampau, sesungguhnya Allah tidak suka akan orang yang melampaui batas ".

Surah al-A'raaf, 7 : 31

Rokok adalah suatu benda yang kotor dan membawa mudharat. Manakala membazirkan wang ke arahnya adalah dilarang oleh Allah kerana mendekati syaitan. Apabila manusia mula mendekati syaitan, hendaklah mereka segera bertaubat.¹¹⁵

- (j) Dr. Yusuf al-Qaradhawi pula menerusi kitabnya, *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* telah menjelaskan kaedah : ' Setiap yang memudharatkan maka memakan dan meminumnya adalah haram '. Beliau berpendapat bahawa mengambil tembakau adalah haram;

" *Ini kerana syariat Islam telah menjelaskan bahawa seseorang muslim tidak dihalalkan untuk mengambil mana-mana makanan dan minuman yang mendatangkan kematian sama ada dengan cepat atau secara perlahan-lahan seperti racun dan benda yang memudharathkan. Perkara ini ditambah dengan tidak boleh mengambil makanan yang boleh menjadikan kesihatan. Ini memandangkan bahawa tubuh seorang muslim itu tidak dimiliki oleh dirinya semata-mata, bahkan ia turut dimiliki oleh agama dan umatnya. Manakala kesihatan, harta dan nikmat Ilahi kesemuanya adalah amanah Allah yang tidak boleh dipersia-siakan.* " ¹¹⁶

¹¹⁵ Majalah al-Jundi al-Muslim (t.t), op.cit., bil. 32.

¹¹⁶ Dr. Yusuf al-Qaradhawi (1992M/1412H), *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*, C. 21, Kaherah : Maktabah Wahbah, hal : 78.

Selain itu, beliau turut menyokong pandangan Ibnu Taimiyah tentang mengharaman rokok ini memandangkan keburukan yang melanda umat sekarang.¹¹⁷

x) Sementara itu, Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam) mendesak masyarakat menyedari hakikat bahawa merokok adalah haram dan boleh mendorong penyalahgunaan dadah.¹¹⁸

Oleh itu, menjual dan menanam tembakau untuk tujuan di atas adalah dilarang dan dihukum haram. Ini berasaskan hadis nabi (s.a.w);¹¹⁹

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا : أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ عَامَ الْفَتْحِ وَهُوَ بِمَكَّةَ إِنَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ حَرَامٌ بَيْعُ الْخَمْرِ وَالْمَيْتَةِ وَالْخِنْزِيرِ وَالْأَصْنَامِ فَقِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَرَأَيْتَ شُحُومَ الْمَيْتَةِ فَإِنَّهُ يُطْلَى بِهَا السُّقُنُ وَيُدَهَنُ بِهَا الْجَلُودُ وَيُسْتَصْبَحُ بِهَا النَّاسُ قَالَ لَا هُوَ حَرَامٌ ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ ذَلِكَ قَاتَلَ اللَّهُ الْيَهُودُ إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ لَمَّا حَرَمَ عَلَيْهِمْ شُحُومَهَا جَمَلُوهُ ثُمَّ بَاعُوهُ فَأَكَلُوا ثُمَّ نَهَى

Ertinya: " Diriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah r.a katanya: Ketika pembukaan Kota Mekah, beliau mendengar Rasulullah s.a.w yang ketika itu berada di Mekah bersabda: Sesungguhnya Allah dan RasulNya telah mengharamkan penjualan arak, bangkai, babi dan berhala. Kemudian baginda ditanya: Wahai Rasulullah! Bagaimana dengan lemak bangkai yang digunakan untuk mengecat perahu, untuk dilumur di kulit supaya berminyak dan untuk menyalaikan lampu ?.

¹¹⁷ Ibid hal : 77, Ibnu Taimiyah (t.t), Majmuk Fatawa, J. 34, T.T.P ; T.P, hal : 210 – 212.

¹¹⁸ Ridzuan Yob (31 Mei 2000), hal : 12.

¹¹⁹ Ibnu Hajar al-'Asqalani (1997M/1418H) op. cit., J. 4, hal : 535 (no 2236) dan J. 8, hal : 26 (no. 4296); Mahvuddin al-Nawawi (1998M/1419H), op. cit., J. 11, hal : 8. (no. 4024).

Baginda menjawab: Tidak boleh, lanya tetap haram. Lalu baginda meneruskan kata-kata: Semoga Allah membinasakan orang-orang Yahudi. Sesungguhnya Allah s.w.t ketika mengharamkan lemak bangkai kepada mereka, mereka beralasan lalu menjualnya dan memakan hasil penjualan tersebut ”.

3

Ini memandangkan ia membawa maksiat selain tidak mendatangkan manfaat ke atas penggunanya, bahkan merosakkan lagi diri mereka dan orang lain serta tidak memberi sebarang nilai. Keadaan amat ditentang oleh Allah ta^āla menerusi firman-nya;

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعَدْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Ertinya : “ Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan, dan bertaqwalah kepada allah kerana sesungguhnya Allah amat berat siksaanya (bagi scsiapa yang melanggar perintahnya) ”.

Surah al-Maidah, 5 : 2.

3.2.2 Pendapat Yang Mengatakan Merokok Makruh

Di antara fuqaha' yang berpendapat hukum merokok adalah makruh ialah Abu Sahl bin al-Waiz al-Hanafi dan al-Syeikh Mustafa al-Suyuti al-Rabbani. Malah ada di kalangan mereka menetapkan dengan makruh tahrimi seperti al-Faqih al-^cImadi¹²⁰ serta al-Syeikh ^cAbdul Rahman al-Syahid al-Naqsabandi al-Hanafi dan makruh-tanzihu seperti al-Syeikh ^cAli bin Yusuf al-Karmi al-Muqaddasi.

¹²⁰ Al-Manawi (1352H), *Faidhul Qadir Syarh al-Jami^ce al-Saghir*, J. 3, Mesir : Matba^cah Mustafa Muhammad, hal. 425, Ibnu ^cAbidin (1998M/1419H), op. cit., hal. 42.

3.2.2a Hujah-hujah Makruh

- (a) Golongan yang mengatakan makruh tahrimi kerana mengikut sesuatu dengan tujuan baik terhadap sesuatu yang haram seperti memakan riba' atas tujuan baik atau sentiasa membuat sesuatu yang bid'aah yang dikira makruh seperti rokok.¹²¹

Selain dari itu juga, ia hanyalah sesuatu yang memberi kesan terhadap sesuatu citarasa. Imam al-Syafie menambah bahawa ia hanya perlu dikenakan hukuman had kerana mengambil sesuatu dari kategori arak juga.¹²²

- (b) Golongan yang menegaskan bahawa merokok adalah makruh tahrimi kerana ia adalah kotor sedangkan benda yang kotor dilarang oleh agama. Ia dianggap mengubah fitrah Allah sedangkan manusia hanya melaksanakan fitrah yang menjadi keperluan mereka iaitu; tiga perkara yang berkaitan dengan batin iaitu; hawa nafsu, air dan makanan. Manakala tiga perkara lagi berkaitan dengan zahir iaitu; pakaian, tempat tinggal dan kebersihan. Manusia adalah mengikut fitrahnya sedangkan menghisap rokok bukan fitrah dan merokok dianggap mengubah fitrah. Apabila mengubah fitrah, maka ia mengubah kejadian Allah seperti firman Allah;

وَلَا يُضْلِلُهُمْ وَلَا مُنْتَهِيَّهُمْ وَلَا مَرْدَهُمْ فَإِبْرَيْكُنْ عَادَنَ الْأَنْعَمِ وَلَا مَرَّهُمْ
فَلَيَغْيِرُنَّ خَلْقَ اللَّهِ وَمَنْ يَتَّخِذُ الشَّيْطَانَ وَلِيَّا مَنْ دُونَ اللَّهِ فَقَدْ خَسِرَ

خُسْرًا أَثِيَّا

¹²¹ cAbdu Karim Zaidan (1997M/1417H), op. cit. hal : 68

¹²² Ibnu 'Abidin (1998M/1419H) op. cit., hal : 38

Ertinya : " Dan Aku benar-benar akan menyesatkan mereka, dan akan membangkitkan angan-angan kosong pada mereka dan akan menyuruh mereka (memotong telinga-telingan binatang ternakan) lalu mereka benar-benar memotongnya, dan akan Aku suruh mereka (mengubah ciptaan Allah) lalu mereka benar-benar mengubahnya. Barangsiapa yang menjadikan syaitan pelindung selain dari Allah , sesungguhnya ia menderita kerugian yang nyata ".

Surah al-Nisa' (4) : 119.

Selepas diteliti pandangan ini, menunjukkan beliau cenderung untuk menghukum kepada hukuman haram. Ini dinyatakan oleh Dr. Mamduh Julihah di dalam tulisannya.¹²³

(c) Golongan yang berpendapat bahawa merokok adalah makruh tanzihi telah berhujah bahawa orang-orang yang berusaha ke arah itu (Makruh Tanzih) adalah untuk menjaga maruah sama ada menghisapnya bersama orang ramai seperti di pasar-pasar dan di jalan raya. Mereka sepatutnya menghindarkan diri dari perbuatan itu dan turut berusaha menghindarkan kaum keluarganya dari amalan itu yang kebiasaannya merosakkan diri, kata-kata dan perbuatan yang tidak elok. Mereka menegaskan ia boleh menjadi haram sekiranya membazirkan harta dan memudharatkan. Tidak diragui lagi, ia adalah haram bagi mereka yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman terhadapnya. Beliau hanya memberi hujah makruh tanzihi dengan dua alasan iaitu;¹²⁴

- (i) Ia diqiyaskan dengan makruh memakan bawang besar dan bawang putih yang menyebabkan bau mulut tidak

¹²³ Mamduh Fakhri Julihah, Dr, (27-30 Jamadil Awwal 1402H/3-5 March 1982), op. cit., hal : 29 - 32

¹²⁴ Abdul Karim Zaidan (1997M/1417H), op. cit., hal : 68

menyenangkan. Manakala bau asap rokok lebih kuat dari keduanya.

- (ii) Ia merupakan perbuatan yang menyerupai perbuatan ahli neraka.

(d) Golongan yang mengatakan makruh sahaja berhujah bahawa merokok boleh mengurangkan harta, memudharatkan tubuh dan akal, mempunyai bau mulut yang dibenci sama seperti bawang besar dan bawang putih serta ia boleh merendahkan maruah. Mereka yang menghisapnya, sebaik-baiknya dilarang memasuki masjid dan menghadiri perhimpunan.¹²⁵ Sebagai contoh, seseorang yang merokok sudah pasti membelanjakan hartanya ke arah tersebut yang belum pasti memberi keuntungan dan kebaikan, malah bau mulut akibat meroko menyebabkan beliau tidak disenangi oleh orang lain. Apabila kedua-dua perkara ini berlaku ke atas dirinya, sudah tentu menjelaskan maruahnya.

(e) Hujah-hujah hukum makruh merokok menerusi dalil-dalil akal turut diselitkan oleh golongan ini seperti berikut ;¹²⁶

- i- Bahawa rokok ini tidak sunyi dari mempunyai kemudharatan walau pun ia sedikit. Ini kerana jumlah sedikit itu boleh membawa kepada banyak pula.
- ii- Ia mengurangkan jumlah harta. Apabila ia tidak menyebabkan pembaziran, sekurang-kurangnya ia mengurangkan harta

¹²⁵ Ahmad bin Muhammad al-Manqur al-Tamimi al-Najdi al-Hanbali, Al-Syeikh (1380H), op cit., hal :

152. Majalah al-Majmuk al-Fiqhi al-Islami, (1414H/1993M) op. cit. hal : 146

¹²⁶ Syu'ib "Abdul Mun'im al-Ghabbasi (t.t), op. cit., hal : 146

- sedangkan harta tersebut boleh diberikan kepada perkara yang lebih berfaedah atau untuk kemanfaatan orang ramai.
- iii- Bau asap rokok itu boleh menyebabkan orang yang menghidunya merungut kerana membencinya sedangkan setiap benda yang busuk adalah makruh sama seperti memakan bawang besar, bawang kecil dan sebagainya.
 - iv- Rokok boleh menyebabkan penggunanya merasa khayal. Ini menjasarkan maruah terutama bagi orang-orang yang dihormati.
 - v- Orang yang merokok sentiasa akan memerlukannya. Sekiranya mereka gagal memperolehnya, maka diri mereka menjadi tidak menentu dan sentiasa berada dalam keadaan keluh-kesah. Umpamanya ialah apabila berada dalam sesuatu majlis yang menghalang dari mengambil sebarang jenis tembakau atau boleh memalukan hadirin.

3.2.3 Pendapat yang mengatakan merokok harus

Antara Fuqaha' yang menganggap bahawa merokok ini adalah harus ialah al-Syeikh

^cAbdul Ghani al-Nablusi al-Hanafi¹²⁷, Al-Munawi¹²⁸, al-Syeikh Zainuddin ^cAbdul Qadir

al-Hariri¹²⁸, al-Syeikh Mustafa al-Suyuti al-Rahbani¹²⁹ dan lain-lain.

¹²⁷ Ibnu Abidin, (1998M/1419H), op. cit. J. 10, hal : 41

¹²⁸ Syu'ib ^cAbdul Mun'im al-Ghabbasi, (t.t), op. cit., hal : 146; Majalah al-Majmuk al-Fiqhi al-Islami.

1414H 1993M, op. cit., hal : 152

¹²⁹ Ibid 147

3.2.3a Hujah-hujah Harus

- (a) Firman Allah yang menyebut ;

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا

Ertinya : “ Dialah Allah yang menjadikan segala yang ada di muka bumi ini untuk kamu ”.

Surah al-Baqarah (2) : 29

Lafaz (ما) menunjukkan tanda umum. Manakala huruf lam pada (لكم)

mengandungi makna takhsis yang menunjukkan perlu mengambil manfaat seperti pakaian Muhammad, maka khusus mengambil manfaat padanya. Maka ayat ini menunjukkan mengambil manfaat terdiri pada semua perkara selagi tidak ada dalil yang menghalangnya dengan sebab takhsis tadi. Gambaran di sini menunjukkan ia adalah harus.

Sementara itu dalam firman yang lain, Allah telah menyebut ;

قُلْ مَنْ حَرَمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالظَّيْبَاتِ مِنَ الرِّزْقِ

Ertinya : “ Katakanlah (wahai Muhammad) siapakah yang berani mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkannya untuk hamba-hambanya, dan (demikian juga) benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakan ”.

Surah al-A'raaf (7) : 32

Ayat ini menunjukkan kesahaman secara engkari (بِسْتَهْمَانِ إِنْكَارِي) bagi

pengharaman mengambil perhiasan dan benda-benda yang baik. Maka di dalam ayat ini mengandungi keharusan mengambil manfaat bagi setiap perkara-perkara yang diharuskan (mustatabat) dan rokok adalah salah satu darinya bagi sesetengah golongan masyarakat.¹³⁰

(b) Majoriti umat Islam telah terpengaruh dengan amalan merokok ini. Oleh itu, meletakkan fatwa merokok dengan hukum halal adalah untuk menolak kesukaran tersebut. Ini dengan melihat sabda Rasuiullah (s.a.w);¹³¹

عَنْ عُرْوَةَ بْنِ الْزُّبَيرِ عَنْ عَائِشَةَ زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

أَنَّهَا قَالَتْ : مَا خَيْرُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ أَمْرَيْنِ إِلَّا

أَخْذَ أَيْسَرَهُمَا مَا لَمْ يَكُنْ إِثْمًا كَانَ إِثْمًا كَانَ أَبْعَدَ النَّاسَ مِنْهُ وَمَا

أَنْقَمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِنَفْسِهِ إِلَّا أَنْ شَتَّهَ حُرْمَةُ اللَّهِ

عَزَّ وَجَلَّ

Ertinya : “ Dari ‘Urwah bin al-Zubair, diriwayatkan daripada ‘Aisyah, isteri Nabi r.a katanya: Setiap kali apabila Rasulullah s.a.w disuruh memilih di antara dua perkara, maka baginda akan mengambil yang paling ringan di antara keduanya selama mananya tidak berdosa. Jika yang paling ringan itu berdosa, maka baginda menjauhinya pula. Rasulullah s.a.w tidak pernah membala kerana untuk diri sendiri melainkan jika kehormatan Allah Yang Maha Mulia lagi Maha Agung dipermain-mainkan ”.

¹³⁰ Abdul Wahhab bin Abdul Salam Tawilah (1986M/1406H), op. cit., hal : 468

¹³¹ Ibnu Hajar al-Asqalani (1997M/1418H), *Fath al-Rāri Syarh Sahih Al-Bukhari*, J. 6, Damsyik, Maktabah Dar al-Faiha', hal : 692 (no 3560); Mahyuddin al-Nawawi, (1998M/1419H), op. cit., J. 15, hal : 82 (no. 5999); Abu Daud (t.t), op. cit., J. 3, hal : 250 (no. 4785); Malik (1997M/1418H), *al-Muwatta*, Beirut Dar Ehya' al-Turath al-'Arabi, hal : 555 (no. 690).

perasaan gembira yang melampau, sedangkan rokok adalah sebaliknya. Jadi merokok dikira harus selagi ia tidak memabukkan.¹³⁴

Al-Syeikh Zainuddin °Abdul Qadir al-Hariri berhujah menolak dakwaan yang menyebut merokok menyebabkan mabuk dan khayal. Pada beliau, mabuk adalah hilang akal dengan pergerakan anggota menjadi tidak stabil. Manakala khayal adalah hilang akal dengan anggota menjadi lesu, sedangkan kedua-dua perkara ini langsung tidak berlaku ke atas perokok. Boleh jadi mabuk dan khayal hanya berlaku ke atas perokok yang baru menggunakaninya, namun ia tidak boleh dihukum haram.¹³⁵ Manakala al-Syeikh Mustafa al-Suyuti al-Rahbani menyokong pendapat di atas.¹³⁶

(e) Kaedah 'Asas Sesuatu itu Adalah Harus'

Hukum haram dan makruh terhadap rokok merupakan dua hukum syarak yang mana keduanya memerlukan dalil-dalil syarak, sedangkan dalil-dalil yang dikemukakan hanyalah biasa dan tidak dapat mensabitkannya kepada maksud mabuk, melesukan badan dan memudharatkan. Nyatalah di sini ia turut ada faedah dan termasuk di bawah salah satu kaedah fiqhiah iaitu :

"*Asal sesuatu itu adalah harus* " (الاصل في الأشياء الاباحية).

¹³⁴ °Abdul Wahhab bin °Abdul Salam Tawilah (1986M/1406H), op. cit., hal : 467.

¹³⁵ Syz'ib °Abdu! Mun'im al-Ghabbasi, (t.t),op. cit., hal : 146; Majalah al-Majmuk al-Fiqhi al-Islami (1414H/1993M), op. cit., hal : 152

¹³⁶ Ibid : 147

Kemudharatan yang dialami oleh sesetengah dari mereka, tidak boleh dikatakan supaya boleh dihukum haram. Kawalan atau pengharaman yang dilakukan boleh memberi mudharat kepada golongan yang berada yang berkemampuan memilikinya. Manakala mengharamkannya atas tujuan mengawal atau berjaga-jaga dari keletihan bukanlah suatu pensabitan hukum kepada haram atau makruh yang mana kedua-duanya perlu bersandarkan kepada dalil, sedangkan meletakkan hukum harus itu adalah mengikut asal sesuatu hukum. Maka adalah lebih adil mengatakan hukum harus. Walau bagaimanapun, orang yang menghisapnya sehingga menjadi tabiat mereka, maka ia dianggap sebagai makruh iaitu makruh pada tabiat dan bukannya pada syarak.¹³⁷

(f) Merokok adalah satu perbuatan yang terkeluar dari maksud syarak memandangkan ia didiamkan oleh Allah (s.w.t). Ini turut dijelaskan oleh hadis yang diriwayatkan oleh Salman, dari nabi (s.a.w) telah bersabda;¹³⁸

عن سلمان الفارسي قال : سُئلَ رَسُولُ اللَّهِ عَنِ السَّمْنَ وَالجِبْنِ وَالفَرَاءِ
قال : الْحَلَالُ مَا أَحْلَهُ اللَّهُ فِي كِتَابِهِ ، وَالْحَرَامُ مَا حَرَمَهُ اللَّهُ فِي كِتَابِهِ ،
وَمَا سَكَتَ عَنْهُ فَهُوَ مَا عَفَا عَنْهُ

Ertinya: “ Dari Salman al-Farisi, katanya : Rasulullah (s.a.w) ditanya tentang minyak sapi, keju dan kulit binatang. Baginda bersabda : Halal itu ialah apa yang Allah telah halalkan di dalam kitab-Nya (*al-Quran*), haram pula ialah apa yang Allah telah haramkan di dalam kitab-Nya (*al-Quran*) dan apa yang Allah telah diamkan, maka ia diampunkan ”.

¹³⁷ Ibnu ‘Abidin (1998M/1419H), op. cit., J. 10, hal : 41.

¹³⁸ al-Imam al-Hafiz Abi al-‘Ula Muhammad ‘Abdul Rahman bin ‘Abdul Rahim (1998M/1419H), *Tuhfa’ al-‘Alwazi bi Syarh Jam’ at-Tirmidzi*, J. 5, Beirut : Dar Ehya’ al-Turath al-‘Arabi, hal : 396 (no. 1726). Khalil Makmun Syiha (1997M/1418H), op. cit., J. 4, hal : 56 (no. 3367).

Menurut al-Munawi, apa yang tidak disebut di dalam al-Quran dan hadis atau tidak terdapat nas yang menghalalkannya atau mengharamkannya sama ada secara terang atau tersembunyi, maka ia diampunkan oleh Allah. Oleh itu, adalah halal mengambil manfaat darinya selagi tidak ada halangan mengenainya. Oleh itu, merokok bukan sahaja tidak ada nas yang menunjukkan hukum tentangnya, malah harus mengambil manfaat darinya juga. Adalah jelas bahawa rokok merupakan perkara yang didiamkan oleh Allah, maka sudah tentu dibenarkan iaitu halal.¹³⁹

Selain dari itu juga, terdapat pernyataan bahawa menghisap rokok adalah halal. Ini memandangkan amalan tersebut tidak berlaku pada zaman rasulullah (s.a.w) dan tidak mempunyai nas yang mengharamkannya.¹⁴⁰

3.2.4 Pendapat Yang Mengatakan Merokok Haram Apabila Terdapat Kemudharatan

Antara °ulama-°ulama yang mengharamkan rokok apabila terdapat kemudharatan adalah Ibnu °Abidin dan al-°Allamah al-Ajhuri.

3.2.4a Hujah-hujah Makruh Apabila Ada Kemudharatan

¹³⁹ °Abdul Wahhab bin °Abdul Salam Tawilah (1986M/1406H), op. cit., hal : 467

¹⁴⁰ °Abdul Rahman al-Jaziri (1998M/1418H), *Kitab al-Fiqh °ala al-Mazahib al-Arba'ah*, J. 5, C. 2, Beirut: Dar Ehya al-Turath al-°Arabi, hal : 34.

- (a) Ibnu 'Abidin al-Hanafi telah berpendapat di dalam kitabnya، تتفیح الفتاوى (الحامدية) seperti mana yang telah dinyatakan di dalam kitab تهذیب الفروق (القواعد السنیة) katanya؛

" Sebenarnya dalam memberi fatwa tentang hukum halal dan haram pada zaman tersebut adalah berpegang dengan dua asal yang mana kedua-duanya telah disebut oleh al-Baidhawi di dalam kitab Usul dan menggambarkan keduanya memberi manfaat kepada hukum syarak :

Asal Pertama : Sesungguhnya asal pada manfaat itu adalah dikira harus dan pengambilan syarak terhadap asal tersebut menerusi beberapa ayat al-Quran iaitu :
(Yang utama): Firman Allah ta'ala :

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا

Ertinya : " Dialah Allah yang menjadikan segala yang ada di muka bumi untuk kamu ".

Surah al-Baqarah (2) : 29.

Huruf lam (ل) pada kalimah (لكم) memberi makna manfaat. Maka ia menunjukkan bahawa pengambilan manfaat itu diterima oleh syarak.

Asal Kedua : Sesungguhnya asal itu yang memudharatkan diharamkan dan larangan itu berdasarkan sabda Rasulullah (s.a.w).¹⁴¹

عن عبادة بن الصامت ، أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قضى أن :

لا ضرر ولا ضرار

Ertinya: " Dari 'Ubada bin al-Samit, bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah berhukum : Tidak ada mudharat dan jangan memudharatkan ".

¹⁴¹ Khalil Makmun Syiha (1997M/1418H), op. cit., J. 3, , hal. 106 (no. 2340)

Selain itu, ahli fiqh telah mengharamkan benda berkaitan sama ada dengan memabukkan atau memudharatkan terhadap tubuh badan seperti tanah dan air liur, atau dengan mencemarkan seperti hingus dan air ludah sedangkan semua ini adalah suci.

Dengan kenyataan ini, jika rokok itu telah sabit dari segi mudharat-mudharatnya lebih banyak dari martafaat-manafaat yang ada, maka adalah harus membuat fatwa pengharamannya. Sekiranya ia tidak dapat disabitkan terhadap mudharat-mudharat tersebut, maka hukum asal adalah halal.....”.¹⁴²

(b) Al-^cAllamah al-Ajhuri berpendapat bahawa merokok tidak memabukkan. Maka ia tidak boleh dihukum haram kerana ia bukan haram pada zatnya. Bahkan ia hanya boleh dihukum haram apabila benar-benar wujud kemudharatan terhadap tubuh dan ditambah pula dengan sebab membuang dan membazirkan harta. Ini disebut di dalam kitab *Fath al-^cUli al-Malik oleh al-Syeikh ^cAlish*. Setelah diteliti pandangan ini, ia sebenarnya menjurus ke arah haram dengan melihat realiti masa kini. Ini disokong oleh Dr. Mamduh Julihah di dalam pembentangannya pada Muktamar di Madinah yang lalu.¹⁴³

(c) Sementara itu, terdapat pandangan yang disebut oleh Dr. Yusuf al-Qaradhawi apabila ditanya tentang hukum rokok sama ada ia halal atau tidak. Katanya, ada pendapat dari golongan ini mengatakan;¹⁴⁴

¹⁴² ^cAbdul Karim Zaidan (1997M/1417H), op. cit., J. 3, hal : 68 - 69.

¹⁴³ Dr. Mamduh Fakhri Julihah (27-30 Jamadil Awwal 1402H/3-5 March 1982), op. cit., hal : 38.

¹⁴⁴ Syu'ib ^cAbdul Mun'im al-Ghabbasi (t.t), op. cit., hal : 147

" Sesungguhnya tumbuhan ini pada segi batasan zatnya adalah suci yang tidak memabukkan, tidak memudharatkan dan tidak mengotarkan. Maka asal sesuatu itu adalah harus. Kemudian ia dilihat dari sudut hukum syarak. Sekiranya penggunaannya tidak mewujudkan kemudharatan terhadap tubuh atau akal, maka ia diharuskan. Sekiranya memberi kemudharatan, diharamkan penggunannya seperti melemahkan. Sekiranya ia memberi manfaat dengan mampu menolak kemudharatan seperti sakit, wajiblah ia digunakan. Penetapan hukum-hakam ini dengan jelas menjadi harus pada hadnya secara zat".

Selain itu, sebahagian dari golongan ini berpendapat bahawa hukum mengenai rokok meliputi lima hukum taklifi yang asas; iaitu haram, makruh, wajib, sunat dan harus. Hujah mereka ialah tembakau merupakan tumbuhan yang tidak dapat disabitkan sama ada pada gambaran sifatnya secara zat atau kemudharatan sama ada terhadap tubuh seperti racun atau pada akal seperti arak atau ganja sehingga hukumnya berkisar pada asas hukum taklifi di atas. Walau bagaimanapun tidak dapat ditentukan dengan hukum tersebut melainkan setelah ada sokongan hukum wad^cie¹⁴⁵.

Dengan ini, merokok boleh menjadi haram apabila berlaku pembaziran atau kemudharatannya jelas. Sekiranya tidak, maka ia adalah halal dan harus. Perkara utama ialah ia mesti berkait dengan kemudharatan. Manakala ia dihukum makruh dengan alasan hukumnya masih diperselisihkan oleh para fuqaha' dan mereka masih bertelagah dalam menetapkannya pada hukum wad^cie. Hukum makruh masih terletak dalam perkara yang diragui berdasarkan sabda Ra^sulullah (s.a.w);¹⁴⁶

¹⁴⁵ Hukum Wad^cie ialah Segala perintah Allah yang berkaitan dengan perbuatan mukallaf sehingga menjadinya suatu sebab atau syarat atau larangan atau sah atau fasad.

¹⁴⁶ Maktabah Tahqiq al-Turath al-Islam (1997M/1418H), op. cit., J. 8, hal : 732 (no. 5727)

عَنْ بُرَيْدَةَ بْنِ أَبِي مَرِيمٍ عَنْ أَبِي الْحَوْرَاءِ السَّعْدِيِّ قَالَ قَلْتُ لِلْحَسْنِ بْنِ عَلَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا : مَا حَفِظْتَ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ ؟ قَالَ : حَفِظْتُ مِنْهُ دُعَّ مَا يَرِيْكَ إِلَى مَا لَا يَرِيْكَ

Ertinya : " Dari Buraid bin Abi Maryam, dari Abi al-Haura` al-Sadiy; beliau berkata, Aku bertanya kepada Hasan bin `Ali (r.a) : Apa yang kamu ingat tentang Rasulullah (s.a.w)? Beliau berkata : Aku mengingati tentang baginda iaitu : Tinggalkan apa yang meragukan kepada perkara yang tidak meragukan ".

Manakala wajib pula, apabila bertujuan menolak kemudharatan dengan ketentuan hukum wadie untuk menolak kewajipan dalam penggunaan yang merosakkan. Ini berdasarkan mafhum dari firman Allah ta'ala ;

وَلَا تَقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢١﴾

Ertinya : " Dan janganlah kamu berbunuhan sesama sendiri, sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihi kamu".

Surah an-Nisa' (4) : 29

Sementara sunat pula, apabila menolak kemudharatan terhadap diri kerana menghindarkan penyakit dengan pandangan hukum wadie atau mengambil manfaat darinya seperti berubat.¹⁴⁷

¹⁴⁷ Abdul Wahhab bin Abdul Salam Tawilah (1986M/1406H), op. cit., hal : 468 – 469.

3.3 Analisa Pandangan-pandangan °Ulama Tentang Hukum Merokok

Kita perlu menilai semula setiap pandangan tersebut dengan berdasarkan bukti-bukti serta hujah-hujah yang meyakinkan supaya pendapat terkuat (rajih) dapat dicapai. Analisa ini perlu bagi mencari kesesuaian dengan persekitaran semasa di negara kita juga iaitu ;

- (a) Mengenai pandangan Ibnu °Abidin berkaitan dengan hukum haram apabila ada kemudharatan itu dengan berpegang kepada dua asal seperti mana yang telah disebutkan oleh al-Baidhawi adalah tepat. Perkara ini turut ditafsirkan menerusi kitab tafsir al-Manar tentang firman Allah ta°ala;

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا

Ertinya : “ Dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi ”.

Surah al-Baqarah, 2 : 29

Ayat ini merupakan dalil qati'e bagi kaedah yang biasa digunakan oleh para fuqaha' iaitu 'Asal pada sesuatu yang terjadi itu adalah harus' (الأصل في الأشياء المخلوقة الإباحة). Maksud harus di sini ialah boleh mengambil manfaat termasuklah makan, minum, pakai, berubat, berkenderaan dan berhias.¹⁴⁸

¹⁴⁸ Abdul Karim Zaidan (1997M/1417H), op cit., hal : 69.

3.3 Analisa Pandangan-pandangan °Ulama Tentang Hukum Merokok

Kita perlu menilai semula setiap pandangan tersebut dengan berdasarkan bukti-bukti serta hujah-hujah yang meyakinkan supaya pendapat terkuat (rajih) dapat dicapai. Analisa ini perlu bagi mencari kesesuaian dengan persekitaran semasa di negara kita juga iaitu ;

- (a) Mengenai pandangan Ibnu °Abidin berkaitan dengan hukum haram apabila ada kemudharatan itu dengan berpegang kepada dua asal seperti mana yang telah disebutkan oleh al-Baidhawi adalah tepat. Perkara ini turut ditafsirkan menerusi kitab tafsir al-Manar tentang firman Allah ta°ala;

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا

Ertinya : “ Dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi ”.

Surah al-Baqarah, 2 : 29

Ayat ini merupakan dalil qati'e bagi kaedah yang biasa digunakan oleh para fuqaha' iaitu 'Asal pada sesuatu yang terjadi itu adalah harus' (الأصل في الأشياء المخلوقة الإباحة). Maksud harus di sini ialah boleh mengambil manfaat termasuklah makan, minum, pakai, berubat, berkenderaan dan berhias.¹⁴⁸

¹⁴⁸ Abdul Karim Zaidan (1997M/1417H), op cit., hal 69.

Manakala Imam al-Razi pula berpendapat menerusi tafsiran beliau terhadap ayat al-Quran iaitu;

وَيُحَلِّ لَهُمْ الْطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَابِ

Ertinya : “ Dan Dia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk ”.

Surah al-A^craf, 7 : 157.

Beliau berkata, “ Maksud bagi sesuatu yang baik itu ialah mendapatkan sesuatu yang baik dari segi tabiat. Dengan itu, ia meliputi benda yang berfuedah dan asal sesuatu yang memberi manfaat adalah halal.

Manakala ayat al-Quran menerusi firman Allah;

وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَابِ

Ia memberi makna, setiap yang membawa keburukan terhadap tabiat dan mengotorkan jiwa sehingga dengannya itu boleh membawa penyakit serta boleh terjerumus ke dalam mudharat, adalah haram.¹⁴⁹

Memang benar ayat di atas tidak menghalang mengambil manfaat selagi tidak ada dalil yang menegahnya. Rokok mengandungi unsur-unsur yang memudharatkan dan perlu diharamkan berdasarkan hadis rasulullah yang lalu dengan menolak sebarang bentuk kemudharatan. Maka ini merupakan dalil khusus dalam sebarang pengambilan benda yang memudharatkan. Kemudian apakah perhiasan dan kebaikan yang wujud di dalam rokok sehingga ia boleh dihukum dengan keharusan secara keseluruhannya? Adakah bau rokok yang menjadi tabiat itu sehingga

¹⁴⁹ Imam Fakhruddin al-Razi (1992M/1413H), *Tafsir al-Kabir*, J. 7, Kaherah : Dar al-Fad al-^cArabi, hal : 368

menimbulkan warna pada gigi dianggap benda-benda yang baik?. Hujah ini sekaligus menolak juga dalil yang dikemukakan oleh golongan yang mengharuskan rokok. Begitu juga hujah ini menolak dalil menerusi ayat yang dikemukakan iaitu;

فُلْ مَنْ حَرَمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالْطَّيْبَاتِ مِنَ الرِّزْقِ

Ertinya : " Katakanlah (wahai Muhammad); Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkan untuk hamba-hambanya, dan (demikan juga) benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakan ".

Surah al-A'raf, 7 : 32.

- (b) Pandangan Ibnu 'Abidin yang mengharuskan merokok dan beliau hanya berfatwa mengharamkan rokok jika kemudharatannya benar-benar sabit kepada tidak membawa manfaat langsung. Begitu juga dengan pandangan 'Abdul Ghani al-Nablusi yang mengharuskan amalan merokok berdasarkan ia tidak memudharatkan.

Secara realitinya, kemudharatan rokok adalah sesuatu yang pasti yang tidak dapat ditentukan ukuran pertikaianya. Perkara ini telah disokong oleh para penyelidik dan pakar kesihatan. Berasaskan eksperimen-eksperimen yang disahkan bahawa tembakau mengandungi agen-agen yang boleh membahayakan seperti nikotin, benda yang membakar dan sebagainya. Semua ini boleh mendatangkan pelbagai jenis penyakit, antaranya kanser paru-paru yang diakibatkan penemuan bahan beracun yang boleh membunuh tetapi peranannya ialah membunuh secara perlahan-lahan. Maka ia termasuk di dalam daerah yang ditegah dan bukan diharuskan.¹⁵⁰

¹⁵⁰ Abdul Karim Zaidan (1997M/1417H), op. cit., J. 3, hal : 69 -70.


Ibnu Hazm pula berpendapat :

“ Tidak dihalalkan memakan racun yang boleh membunuh sama ada membunuh secara perlahan-lahan atau dengan cepat. Semua jenis pemakanan yang memberi mudharat sama ada sedikit mahu pun banyak sehingga boleh mendatangkan penyakit yang mudah merebak adalah dilarang.”¹⁵¹ Ia berdasarkan firman Allah ta’ala;

وَلَا تَقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ

Ertinya : “ Dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri ”
Surah al-Nisa’, 4 : 29.

Maka dengan ini, pendapat-pendapat Ibnu ‘Abidin dan ‘Abdul Ghani al-Nablusi adalah sama dengan pandangan-pandangan golongan yang menegah menghisap rokok kerana wujudnya banyak kemudharatan. Muhammad ‘Ali al-Sabuni turut menambah menerusi sambungan ayat seterusnya iaitu;

وَمَن يَفْعَلْ ذَلِكَ عُدُوّاً وَظُلْمًا فَسُوقَ نُصْلِيهِ نَارًا وَكَانَ ذَلِكَ عَلَى


Ertinya : “ Dan sesiapa berbuat demikian dengan menceroboh dan aniaya, maka Kami akan masukkan dia ke dalam api neraka dan (balasan) yang sedemikian itu adalah mudah bagi Allah (tidak ada sesiapa pun yang dapat menghalangnya) ”.

Surah al-Nisa’, 4 : 30

Beliau menyatakan, “ Barang siapa yang melakukan perbuatan yang ditegah oleh Allah secara sengaja dan zalim, maka ia akan dimasukkan ke dalam api neraka yang akan membakar tubuh mereka atau juga dikenakan azab secara perlahan-lahan tanpa disedari ”.¹⁵²

¹⁵¹ Al-Imam Abi Muhammad ‘Ali bin Ahmad ibnu Hazm (t.t), *al-Muhalla*, J. 7, Beirut : al-Maktab al-Tijari, hal. 418.

¹⁵² Muhammad ‘Ali al-Sabuni (1998M/1419H), *Safwat al-Tafsir*, J. 1, Beirut : Dar Ehya’ al-Turath al-Arabi, hal. 185.

Maka perbuatan merokok adalah perbuatan yang menzalimi diri dan tubuh, sudah tentu ia perlu ditegah.

(c) Pandangan Syeikh ¹⁵³ Abdul Ghani al-Nablusī bahawa berlakunya kemudharatan-kemudharatan terhadap sesetengah golongan yang menghisap rokok tidak boleh dihukum dengan hukuman haram. Ini kerana pengharaman tersebut boleh memberi kesan negatif terhadap golongan yang berada dan golongan yang sihat..

Sebagai menjawab persoalan ini, kemudharatan-kemudharatan yang ada pada tembakau adalah secara zat yang tidak boleh dipisahkan. Maka ia memberi kesan buruk kepada setiap penggunanya dan sekitarnya seperti racun yang menyerap.

Manakala pengharaman yang dibuat itu bukanlah membawa mudharat secara zat tetapi ia sebenarnya membawa manfaat secara zat terhadap pengguna dan masyarakat sekelilingnya. Pertikaian yang berlaku di sini ialah antara kemanfaatan dan kemudharatan. Perkara yang berlaku ialah pembinasan terhadap tubuh badan dengan kemudharatan tersebut dan bukannya sebab melakukan pengharaman.¹⁵³

Manakala pendapat yang dikemukakan oleh al-Syeikh Mustafa al-Suyuti al-Rahbani pula, sebenarnya kata-kata beliau itu berdasarkan realiti yang berlaku pada zaman hidup beliau.

¹⁵³ ^cAbdul Karim Zaidan (1997M/1417H), J. 3, op. cit., hal : 70.

Sekiranya beliau melihat keadaan rokok yang merebak pada zaman sekarang ini dari segenap sudut sama ada positif dan negatif, maka sudah pasti diyakini pendapat beliau ini akan berubah secara langsung.¹⁵⁴

(d) Mengenai penghujahan menerusi hadis yang dikemukakan;

(الحلل ما أحله الله في كتابه والحرام ما حرم الله في كتابه ،

وما سكت عنه فهو مما عفا عنه)

Sebenarnya golongan yang mengharuskan menghisap rokok tidak ada hujah. Ini kerana maksud ‘ apa yang didiamkan dikira sebagai keampunan ’ - atau meninggalkannya menurut hukum syarak adalah harus - Ini menutup sesuatu yang tidak mungkin diketahui hukumnya dengan membuat rujukan kepada dalil-dalil syarak dan kaedah-kaedahnya. Dari dalil-dalil ini pula, penggunaan al-Istishab (الإستصحاب) mengandungi dua cabang iaitu;

i- Istishab yang asal (استصحاب الأصل) pada setiap yang bermanfaat adalah harus kecuali apabila ada dalil yang menunjukkan kepada hukum haram.

ii- Istishab yang asal (استصحاب الأصل) pada setiap yang memudharatkan adalah haram. Jadi menghisap rokok mempunyai dalil yang qati’e iaitu kemudharatannya. Maka kemudharatan yang melewati di bawah asal itu adalah

¹⁵⁴ Syu’ib Abdul Mun’im al-Ghabbasi (t.t.), op. cit., hal : 147

haram. Oleh itu, menghisap rokok dianggap sebagai sesuatu yang ditegah dan bukan diharuskan.¹⁵⁵

Selain itu, rokok merupakan perkara yang didiamkan adalah hujah yang tidak boleh diterima, bahkan ia bukan didiamkan kerana ia memudharatkan tubuh, akal, harta, keluarga dan masyarakat.

Maka ia dikira sebagai memabukkan atau menutup akal tanpa disedari serta termasuk di dalam maksud keumuman hadis rasulullah (s.a.w),¹⁵⁶

عَنْ أَبْنَىْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : كُلُّ مُسْكِرٍ خَمْرٌ وَكُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ وَمَنْ شَرَبَ الْخَمْرَ فِي الدُّنْيَا فَمَاتَ وَهُوَ يَذْمِنُهَا لَمْ يَثْبُتْ لَمْ يَشْرَبْهَا فِي الْآخِرَةِ

Ertinya : "Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a katanya: Rasulullah (s.a.w) bersabda: Setiap minuman yang memabukkan adalah arak dan setiap yang memabukkan adalah haram. Barangsiapa yang meminum arak di dunia lalu meninggal dunia dalam keadaan dia masih tetap meminumnya dan tidak bertaubat, maka dia tidak akan dapat meminumnya di Akhirat kelak (di Syurga)".

(e) Mengenai kaedah 'Asal Pada sesuatu Adalah Harus' yang dikemukakan. Sebenarnya para 'ulama telah berselisih pendapat mengenainya sama ada asal sesuatu itu harus atau sebaliknya atau tergantung. Pendapat yang sahih di kalangan majoriti 'ulama ialah berdasarkan kepada pendektiannya iaitu : Setiap yang memberi manfaat

¹⁵⁵ Abdul Karim Zaidan (1997M/1417H), op. cit., J. 3, hal : 70.

¹⁵⁶ Ibnu Hajar al-Asqalani (1997M/1418H), op. cit., J. 6, hal : 39 (no 5575); Mahyuddin al-Nawawi (1998M/1419H), op. cit., J. 13, hal : 172. (no. 5186); Abu Daud (t.t.), op. cit., J. 3, hal : 326 (no. 3679). al-Imam al-Hafiz Abi al-'Ula Muhammad 'Abdul Rahman bin 'Abdul Rahim (1998M/1419H), op. cit., J. 5, hal : 396 (no. 1861)

dan tidak menjijikkan adalah harus melainkan ada dalil yang menghalangnya. Setiap yang memudharatkan atau kemudharatannya lebih berat berbanding manfaatnya adalah haram kecuali dengan sebab terpaksa. Jadi di sini, menolak sebarang kerosakan perlulah didahulukan berbanding kebaikan.

Apabila mereka menerima kaedah ini, ia kekal sedemikian iaitu apabila tidak membuat perbuatan yang ditegah atau kemanfaatan lebih jelas berbanding kemudharatan, sedangkan kemudharatan rokok adalah jelas. Malah, ia lebih memudharatkan lagi dengan melihat kesan yang sedia ada.

Mengenai pendapat sebahagian dari mereka yang mengatakan, "Sesungguhnya rokok melemahkan apabila mula mengambilnya dan bukan mengkhayalkan". Ini boleh dijawab dengan alasan ia telah sabit dengan keadaan khayal sejak dari mula mengambilnya lagi. Begitu juga orang yang baru atau orang telah lama meninggalkannya, kemudian mengambilnya semula, maka ia sabit dengan khayal juga. Maka sekiranya menghisap rokok tidak menutup akal atau khayal tetapi ia keadaan itu tetap berlaku terhadap sebahagian dari mereka dan tidak dapat dielakkan lagi. Ini jelas apabila dilihat dari sudut tabiat dan ketagihan mereka, maka ia melesukan dan menghilangkan rasa.

(f) Tentang kesukaran yang dihadapi oleh orang-orang Islam dengan penguatkuasaan hukum haram tersebut. Kita tidak boleh mengambil mudah dengan meletakkan hukum halal atau harus. Persoalannya, apabila kebanyakan umat Islam melakukan perbuatan yang diharamkan oleh Allah, maka adakah kita perlu membuat fatwa dengan menghalalkannya hanya kerana mereka?.

Setiap hukum yang dibuat oleh para 'ulama berdasarkan keperluan semasa termasuk rokok juga. Ia berdasarkan pendekatan kajian ilmiah, eksperimen dan keterangan pakar perubatan. Ini kerana rokok telah wujud dalam Dunia Islam lebih dari 400 tahun. Keracunan, kemudharatan dan penyakit akibat darinya telah dikenalpasti. Keadaan ini telah disokong oleh kenyataan para 'ulama dari seluruh tempat mengenainya serta menjelaskan kekusutannya berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah. Bahkan kemudharatan rokok telah pasti menjadi suatu hakikat kajian ilmiah. Ini kerana kesepakatan tentang bentuk dalil perlu melihat kepada peringkatnya sehingga ia boleh memberi suatu keyakinan kepada semua umat Islam tentang perselisihan dan penyelesaian yang wujud.

Perkara ini selalu mendorong kemasukan hukum. Adalah tidak harus bagi seseorang yang pakar dan sarjana untuk terus berpegang dengan hukum yang telah dinyatakan oleh sebilangan para ulama terdahulu; yang berpegang kepada hukum-hakam yang mudah. Orang yang berpegang dengan hukum harus atau makruh kerana mereka mudah menyakini hukum-hakam tersebut terbentuk di atas sedikit 'illah-'illah dan perkara-perkara tersebut adalah tersembunyi. Dengan itu, hukum-hakam tersebut hanya berjalan di sekitar 'illah itu sahaja. Ini adalah pegangan yang terlalu mudah dan harus diketepikan.

3.4 Kesimpulan

Setelah membuat penelitian terhadap hujah-hujah yang dikemukakan serta memperbincangkan semula secara ilmiah, maka pengkaji dengan yakin dan bersikap sederhana bahawa amalan merokok ini tidak boleh dikategorikan sebagai harus secara pasti. Ini kerana kemudharatannya, baunya yang kurang elok dan mensia-siakan harta. Pendapat selebihnya pula terletak samā ada ia makruh atau pun haram?.

Bagi pengkaji, sebenarnya hukum merokok adalah haram berdasarkan hasil dapatan kajian. Walau bagaimanapun, amalan merokok boleh menjadi haram secara pasti terhadap individu-individu tersebut apabila ternyata kemudharatan rokok mula meresapi dirinya menurut pandangan pakar perubatan yang diakui.

Kemudharatan tersebut boleh dilihat secara zahir akan diri seseorang perokok. Apabila dia pergi menemui pakar kesihatan untuk membuat pemeriksaan kesihatan, kemudian dinasihatkan supaya berhenti merokok boleh membantu kesihatan yang lebih baik. Maka kemudharatan telah terbukti.

Justeru itu, amalan merokok tersebut boleh menjadi haram ke atas individu tersebut sehingga menyebabkan ketagihan serta memandekkan umur.

Antara punca pengharaman tersebut adalah seperti berikut;

- (a) Semua para fuqaha' menilai rokok dri segi kesihatan di mana ia secara langsung membawa kemudharatan kepada penggunanya. Malah, perokok boleh merosakkan sistem tubuh termasuk deria bau dan rasa menjadi semakin kurang. Selain itu, ia juga membawa kebinasaan ke atas orang lain dan diri sendiri. Ia pernah disebut menerusi firman Allah ta'ala dalam surah al-Baqarah, ayat 195 dan surah al-Nisa', ayat 29 yang lalu.

Atas alasan ini, maka meninggalkan perbuatan dengan meletakkan hukum haram lebih utama berbanding hukum-hukum yang lain. Ini kerana memelihara nyawa merupakan salah satu dari keutamaan dalam al-Kulliyah al-Khams bagi asas hukum syarak.

- (b) Allah (s.w.t) mencadangkan agar manusia mengambil segala perkara yang baik termasuk makanan dan minuman, malah mengharamkan pengambilan perkara-perkara yang buruk dan merosakkan. Tujuan adalah menjaga tubuh, akhlak, fikiran serta mengekalkan hubungan kasih sayang antara individu dengan masyarakat keseluruhannya.

Ini disebut oleh Allah ta'ala menerusi firman-Nya di dalam surah al-Nisa', ayat 2, surah al-Ma'idah, ayat 100 dan surah al-A'raaf, ayat 157 yang lalu.

Merokok adalah sesuatu yang merosakkan dan menyebabkan wujud pertentangan di antara cadangan Allah untuk kesejahteraan manusia dengan kehendak manusia yang secara terang berlawanan dengan firman Allah itu. Maka menerima cadangan Allah perlu diutamakan.

(c) Rokok boleh menyebabkan pelbagai gejala yang bukan sahaja menyusahkan diri sendiri, malah turut membabitkan kaum keluarga terdekat terutama dari segi kewangan. Merokok memang perkara membazir dan sengaja membuang harta sedangkan syarak melarangnya sama sekali. Ini akan menimbulkan beban yang besar terhadap ahli keluarga dan kaum keluarga terutama apabila perokok yang ketagihan menghabiskan segala harta semata-mata kerananya sama ada dari segi mental dan fizikal.

(d) Golongan yang masih berpegang dengan hukum harus dan makruh sebenarnya masih terpengaruh dengan pandangan lampau dan enggan menerima hakikat bahawa syariat berkembang mengikut peredaran masa. Pembuatan rokok dan bahan-bahannya sudah jauh berbeza, malah ia lebih berbahaya pada masa sekarang. Justeru golongan ini masih kurang jelas mengenai bahayanya. Apabila melihat kesannya terhadap masyarakat dan negara, maka sudah pasti mereka akan mengubah pandangan mereka kelak.

(e) Manakala wanita yang merokok dan suami melarangnya dari terus berkeadaan sedemikian, maka adalah wajib baginya untuk taat. Ini pernah ditegaskan oleh Syeikh Isma'il al-Nablusi (bapa kepada Syeikh Abdul Ghani al-Nablusi) di dalam syarah kitab *al-Durr al-Mukhtar* seperti mana yang dinyatakan bahawa suami yang melarang

isterinya dari memakan bawang dan segala yang boleh membusukkan mulut. Katanya seperti berikut;¹⁵⁷

(و مقتضاه المنع من شربها النتن لأنه ينتن الفم خصوصا اذا كان الزوج لا يشرب أعاذنا الله تعالى منه)

Ertinya : “ Penghukuman kami dengan melarang menghisapnya kerana bau yang kurang elok terutama ia membusukkan mulut. Apabila suami tidak menghisapnya, kami berlindung pada Allah ta’ala darinya ”.

(f) Selain itu, menjual rokok serta mengambil faedah dari hasil pendapatan rokok adalah haram juga. Ini berasaskan sabda rasulullah (s.a.w);¹⁵⁸

عن زيد بن أسلم عن عبد الرحمن بن وعلة السباعي - من أهل مصر
- أنه سأله عبد الله بن عباس عمًا يُغتصب من العتب؟ قال ابن عباس :
إن رجلاً أهدى لرسول الله صلى الله عليه وسلم روایة خمر فقال له
رسول الله صلى الله عليه وسلم (هل علمت أن الله / قد / حرّمها ؟)
قال : لا فسأله إنساناً فقال له رسول الله صلى الله عليه وسلم : (بم
سأررته) فقال : أمرته بيعتها فقال : (إن الذي حرم / شربها حرم
بيعها) قال : ففتح المزاد حتى ما ذهب ما فيها .

Ertinya : “ Dari Zaid bin Aslam, dari ‘Abdul Rahman bin Wa’lah al-Sabbaie-seorang penduduk Mesir – Bahawa beliau telah bertanya ‘Abdullah bin ‘Abbas tentang jus anggur ?. Kata Ibnu ‘Abbas : Seorang lelaki telah meminta pandangan Rasulullah (s.a.w) tentang suatu perkara berkaitan dengan orak, maka Rasulullah (s.a.w) telah bersabda kepadanya (Adakah kamu tahu bahawa Allah (telah) mengharamkannya?). Katanya : Tidak, hanya segelintir kecil yang mengetahuinya (belajar). Maka Rasulullah (s.a.w) bertanya

¹⁵⁷ Ibnu ‘Abidin (1998M/1419H), op. cit., J. 10, hal. 40.

¹⁵⁸ Mahyuddin al-Nawawi (1998M/1419H), op. cit., J. 11, hal : 5 - 6. (no. 4020), Imam Malik bin Anas (1997M 1418H), *al-Muwatta*, Beirut : Dar Ehya’ at-Turath al-‘Arabi, hal: 520 (no. 656).

kepadanya (Apa yang kamu tahu tentangnya (hukum arak) ?). Katanya : Aku telah menyuruh (membolehkan) menjualnya. Maka sabda Rasulullah : Sesungguhnya telah diharamkan meminumnya, menjualnya adalah haram juga). Katanya : Telah mendapat pengetahuan (petunjuk) tentangnya ”.

3

- (g) Sebenarnya terdapat banyak asas Syariah dan kaedah-kaedah syarak dalam menilai sesuatu hukum umum yang ada mahupun yang tidak terdapat di dalam empat sumber utama (al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan Qiyas). Tujuannya adalah untuk menampung keperluan-keperluan hukum sesuai dengan perkembangan semasa.

Sebenarnya syariah mempunyai kemampuan memenuhi kehendak manusia dalam menetapkan hukum sesuai dengan kehidupan mereka yang semakin moden.

- (h) Rokok membahayakan Keturunan

Berdasarkan kajian pakar perubatan bahawa rokok boleh membahayakan janin yang sedang dikandung oleh ibu yang merokok iaitu dari segi kecerdasan akal dan perkembangan fizikal. Keadaan ini amat bertentangan dengan firman Allah ta'ala;

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُواْ قُوْمٌ أَنفَسَكُمْ وَأَهْلِيْكُمْ نَارًا

Ertinya : “ Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah diri kamu dan keluaraga kamu dari api neraka”.

Surah al-Tahrim (6) : 66

kepadanya (Apa yang kamu tahu tentangnya (hukum arak) ?). Katanya : Aku telah menyuruh (membolehkan) menjualnya. Maka sabda Rasulullah : Sesungguhnya telah diharamkan meminumnya, menjualnya adalah haram juga). Katanya : Telah mendapat pengetahuan (petunjuk) tentangnya ”.

3

- (g) Sebenarnya terdapat banyak asas Syariah dan kaedah-kaedah syarak dalam menilai sesuatu hukum umum yang ada mahupun yang tidak terdapat di dalam empat sumber utama (al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan Qiyas). Tujuannya adalah untuk menampung keperluan-keperluan hukum sesuai dengan perkembangan semasa.

Sebenarnya syariah mempunyai kemampuan memenuhi kehendak manusia dalam menetapkan hukum sesuai dengan kehidupan mereka yang semakin moden.

- (h) Rokok membahayakan Keturunan

Berdasarkan kajian pakar perubatan bahawa rokok boleh membahayakan janji yang sedang dikandung oleh ibu yang merokok iaitu dari segi kecerdasan akal dan perkembangan fizikal. Keadaan ini amat bertentangan dengan firman Allah ta'ala;

يَتَأْمِنُهَا الَّذِينَ عَامَنُوا فَوْ أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيْكُمْ نَارًا

Ertinya : “ Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah diri kamu dan keluaraga kamu dari api neraka”.

Surah al-Tahrim (6) : 66

Pasangan suami isteri bertanggungjawab melahirkan anak yang sihat dan berkembang baik dari segi mental dan fizikal. Ini kerana anak adalah amanah dari Allah. Ibu bapa harus bertanggungjawab semenjak mereka dilahirkan dengan memberi pendidikan dan kawalan yang sebaik-baiknya. Jika sebaliknya, maka mereka menyalahi segala saranan Nabi. Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda¹⁵⁹:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُّ مَوْلُودٍ يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَإِذَا هُوَ يَهُودًا إِنَّمَا أَوْ يُنَصَّرَ إِنَّمَا أَوْ يُمْجِسَانَهُ كَمَثَلُ الْبَهِيمَةِ تَتَنَجَّعُ الْبَهِيمَةُ هَلْ تَرَى فِيهَا جَذْعَاءَ

Ertinya : " Dari Abu Hurairah (r.a) katanya: Rasulullah (s.a.w) bersabda: Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah iaitu suci bersih. Kedua orang tuanya yang membuatnya menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi. Sebagaimana seekor ternakan yang melahirkan anaknya (dengan sempurna kejadian dan anggotanya), adakah kamu menganggap anggotanya terpotong ? ".

(i) Rokok Menyentuh Emosi Manusia Lain

Selain rokok itu mengandungi bahan-bahan beracun, asapnya pula turut membawa bau yang busuk dan dibenci oleh kebanyakan masyarakat serta dijauhi oleh para malaikat.

Selain itu, baunya juga turut mengganggu kesihatan mereka yang mengidap sesuatu penyakit kronik dan golongan isteri. Pakar perubatan telah membuktikan asap rokok mengandungi agen-agen yang bahaya. Dengan sebab itu, wajib menjaga keadaan asap rokok dari merebak dan tidak membahayakan serta tidak menjejaskan

¹⁵⁹ Ibnu Hajar al-Asqalani (1997M/1418H), op. cit., J. 3, hal : 312 (no. 1385)

hubungan dan pergaulan harian. Ini telah disebut oleh allah (s.w.t) menerusi surah al-A'raaf, ayat 157 dan hadis nabi (s.a.w) yang menolak kemudharatan.¹⁶⁰

(j) Rokok menimbulkan Perasaan Bangga Diri

Sebenarnya amalan merokok boleh membawa perasaan bangga dengan kebolehan diri di mana rokok yang memang tidak membawa apa-apa faedah boleh menyebabkan orang yang menghisapnya menunjukkankekayaannya menerusi pelbagai jenis rokok yang berjenama dan mahal.

Keadaan ini bukan setakat berlaku di kalangan golongan kaya, bahkan berlaku juga di kalangan golongan pertengahan dan miskin. Mereka bukan sahaja kekurangan dari segi ekonomi tetapi merasa megah dengan tidak muh menerima kedhaifan diri menerusi rokok. Mereka turut merasa megah apabila dapat bersahabat dengan orang-orang kenamaan hanya melalui rokok. Sesungguhnya Allah ta^āala telah berfirman;

(i) Larangan menyombong diri;

فَاسْتَكْبِرُوا وَكَانُوا قَوْمًا مُّجْرِمِينَ
١٣٣

Ertinya: “Mereka tetap menyombong diri dan mereka merupakan kaum yang berdosa”.

Surah al-A^cara (7) : 133.

(ii) Allah membenci mereka yang sompong;

¹⁶⁰ Ibnu Majah (1997M/1418H), *Sunan Ibnu Majah*, J. 3, C. 2, Beirut : Dar al-Ma^crefah, hal : 106 (no. 2340)

إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْتَكْبِرِينَ



Ertinya: “Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombang”.

Surah al-Nahl (16) : 23.

(iii) Rasulullah (s.a.w) turut bersabda¹⁶¹:

عَنْ عَلْقَمَةَ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ النَّبِيِّ صَبَّلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مُتَّقَلٌ ذَرَّةٌ مِّنْ كِبْرٍ

Ertinya : “Dari padanya ^cAlqamah, dari padanya ^cAbdillah, dari Nabi (s.a.w) bersabda; Tidak masuk syurga orang yang di hatinya mempunyai sekelumit perasaan takabbur ”.

Dengan keadaan-keadaan di atas, tidak mustahil sifat-sifat buruk lain akan muncul menerusi amalan ini.

(k) Rokok Membazirkan Harta

Merokok bererti membakar sesuatu bahan tembakau secara sia-sia sedangkan membelinya mengguna wang yang bukan sedikit. Maka membakarnya tanpa tujuan yang berfaedah adalah suatu yang membazir.

Perbuatan membazir menurut al-Quran adalah dikutuk dengan menyamakannya dengan syaitan. Dengan ini, merokok telah menjauhkan dirinya dari Allah, bahkan mendekatkan diri dengan syaitan pula.

¹⁶¹ Mahyuddin al-Nawawi (1998M/1419H), op. cit., J. 2, hal : 277 (no. 263)

Seorang yang merokok bererti dia melatih diri ke arah yang boros dan membazir. Malahan dia telah membazir pada segi yang lain juga seperti ancaman kematian, kos perubatan, penyakit teruk yang semuanya akan menggugat ekonomi perokok.

Allah (s.w.t) telah menyebut golongan ini di dalam al-Quran;

وَكُلُوا وَأْشَرِبُوا وَلَا تُشْرِفُوا إِنَّهُ وَلَا يُحِبُ الْمُسْرِفِينَ

Ertinya: “ Dan makanlah serta minumlah dan janganlah kamu berlebih-lebihan, sesungguhnya Allah tidak menyuaiki orang yang berlebih-lebihan ”.

Surah al-A'raf (7) : 31.

Selain itu, Allah meneruskan firman menerusi ayat yang lain iaitu;

إِنَّ الْمُبَدِّرِينَ كَانُوا إِخْرَوْنَ الشَّيْطَنِينَ وَكَانَ الشَّيْطَنُ لِرَبِّهِ كَفُورًا

Ertinya: “ Sesungguhnya mereka yang membazir adalah sahabat-sahabat syaitan sedangkan syaitan adalah kufur terhadap tuhannya ”.

Surah al-Israa` (17) : 27

Sesungguhnya, setiap orang akan disoal di akhirat kelak tentang penggunaan nikmat yang Allah kurniakan semasa hayatnya di dunia menerusi firman-Nya;

ثُمَّ لَتُسْئَلُنَّ يَوْمَئِذٍ عَنِ التَّعْيِمِ

Ertinya: “ Kemudian kamu pasti akan disoal pada hari tersebut tentang kenikmatan (yang kamu megahkan semasa di dunia) ”.

Surah at-Takaathur (102) : 8

(l) Kerajaan juga terpaksa menanggung kos yang besar untuk mendidik rakyat tentang bahaya merokok, mencegah mereka dan kakitangan Kementerian Dalam Negeri terpaksa bertarung nyawa untuk menangkap penyeludup-penyeludup rokok yang ingin mengaut keuntungan besar di negara ini, sedangkan pihak kerajaan boleh menumpukan kos dan tenaga terhadap isu-isu yang lebih mencabar.

Analisis ini turut disertakan dengan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia kali ke-37 yang berlangsung pada 23 Mac 1995 lalu di Pusat Islam telah memutuskan bahawa merokok adalah haram dalam pandangan Islam.